

ISLAM DAN KEBUDAYAAN ALAM MELAYU

oleh
Profesor Datuk Dr Zainal Kling
Universiti Malaya
Malaysia

Pengenalan

Makalah ini adalah suatu penelitian umum akan aspek-aspek dari pertemuan tamadun Melayu dan Islam serta memeriksa proses saling pengaruh antara pelbagai anasir budaya dari kedua-dua pihak dalam lingkungan ekologi Alam Melayu. Meskipun perhatian tertumpu kepada fenomena kebudayaan atau peradaban namun gagasan 'contact' yang dikemukakan ialah suatu pertemuan aman, mesra dan saling menerima. Tidak wajar kontak budaya itu digagaskan sebagai 'satu pertembungan' dengan erti kontak yang saling berlaga atau bertentangan. Tidak terdapat bukti meluas akan pertemuan dengan kekerasan atau kekasaran antara pribadi-pribadi yang terlibat. Baik dari sudut perwatakan legenda atau metos kedatangan Islam ke Alam Melayu maupun dalam dokumen sejarah amat sukar untuk menemukan suatu titik pertembungan yang melahirkan pergeseran atau persinggitan antara Islam dan budaya Melayu. Justeru demikian adalah amat padan jika fenomena kehadiran Islam di dalam kebudayaan Melayu dilihat dan ditanggapi sebagai suatu 'pertemuan' peradaban, yakni suatu kehadiran yang saling menerima dan meresapi sehingga melahirkan sebuah bentuk serta identiti peradaban yang amat padu dan mesra bernama Melayu.

Pertemuan budaya dapat berlaku dengan damai mahupun bersengketa. Hasilnya melahirkan corak hubungan antara budaya yang mesra mahupun bertelingkah. Keadaan begini muncul kerana sebuah kebudayaan sebagai suatu binaan atau konstruksi masyarakatnya adalah pancaran pribadi masyarakat pendukungnya yang membawa bersamanya bukan sahaja segala bentuk lembaga dan proses masyarakatnya bahkan nilai, norma dan sikap manusia pencipta kebudayaan itu. Justeru demikian, kedatangan dan pertemuan antara budaya adalah sebenarnya pertemuan antara dua pribadi yang perlu saling menyesuaikan diri. Meskipun dalam banyak keadaan pertemuan berlaku dalam keadaan yang amat kasar dan kejam melalui peperangan namun tidak semua bersifat demikian. Cukup banyak pertemuan antara budaya yang berlaku secara aman dan damai sehingga kedua-duanya saling menyerap dan tumbuh sebagai tamadun yang hidup berkembang dalam lingkungan ekologi yang dibina selaras keperluan serta nilai dan ajarannya. Demikian didapati kemesraan budaya Melayu dan Islam hingga dalam ekologi natau persekitaran Alam Melayu kedua-duanya saling menyokong untuk bersama membina sebuah identiti yang dikenal sebagai Melayu dan berteraskan iman keislaman.

1. Jatidiri Alam Melayu

Alam Melayu dapat ditakrif sebagai kawasan geografi yang meliputi seluruh wilayah kependudukan manusia berbahasa rumpun Melayu di seluruh Asia Tenggara terutama di kawasan kepulauan yang kini menjadi unit-unit geopolitik atau negara Indonesia, Malaysia, Filipina, selatan Thailand, kelompok-kelompok di Kampuchea dan Vietnam serta Taiwan. Takrif ini harus berlaku berlandaskan bahasa kerana faktor bahasa ini adalah satu-satunya tinggalan sejarah kuno yang masih kekal menjadi petanda sah dan benar akan kewujudan kawasan petempatan pelbagai kelompok rumpun Melayu.

Perkembangan sejarah politik rantau Asia Tenggara terutama di bahagian benua telah menenggelamkan anasir kemelayuan sehingga tidak lagi menjadi faktor utama dan tampak dalam pergolakan sosio-budaya manusia. Namun pelbagai kelompok yang pernah berkuasa masih menduduki dan menghuni bahkan menentukan identiti wilayah ini di zaman lampau, sehingga kurun 19 bagi kawasan Vietnam selatan, kini kekal sebagai kelompok etnik minoriti. Kehadiran yang berwibawa merupakan petanda tegas akan kewujudan wilayah budaya Melayu yang meliputi kawasan yang ditakrif sebagai Alam Melayu itu. Maka wujudnya sistem sosio-budaya yang amat kuno dan lama dalam sejarah itu merupakan kenyataan dan bukti akan kehadiran manusia Melayu di dalam wilayah budayanya yang amat 'indegene' (pribumi) dan bukan sebagai pendatang baru dalam atau dari negara asing. Wilayah ini adalah wilayah budaya melayu dan mendapat identiti Melayunya hasil dari perkembangan dan perjalanan tamadun dan sejarah yang amat berkuasa serta panjang dalam turun naik arus politik dunia yang pelbagai hingga kini.

Hampir seluruh wilayah budaya Melayu ini berada di kawasan khatulistiwa – *equator* – yang sekaligus ditandai oleh ekologi alam beriklim hujan lebat sepanjang tahun dalam dua musim angin dan muka bumi yang penuh diliputi oleh hutan hijau berpaya di sekitar pesisir pantainya. Di sepanjang pesisir pantai, terutama di kuala sungai yang menjadi pelabuhan kapal untuk perdagangan inilah munculnya segala kegiatan ekonomi dan pembinaan unit-unit politik kenegaraan dalam bentuk kerajaan dan kesultanan yang kemudian berkembang untuk menguasai kawasan pedalaman sebagai empayar Melayu. Kerana kedudukan di pelbagai kepulauan dan pesisir itu maka kebudayaan dan tamadun Melayu menjadi amat terbuka kepada pelbagai pengaruh luar dan asing dan secara lentur (*flexible*) menerima serta meresapi pelbagai unsur itu dan dipadukan menjadi Melayu dalam proses budaya yang dinamik bernama 'masuk Melayu'. Demikianlah di dapati keadaan tamadun dan budaya Melayu kini merupakan kesatuan 'eclectic' dari pelbagai anasir yang dirobah dan dicerna menjadi warna dan wajah Melayu.

Ilmu arkeologi, linguistik sejarawi dan antropologi telah menepatkan dengan tegas bukti ketamadunan Alam Melayu dan jatidirinya telah berlaku selama lebih dari 5000 tahun dari zaman neolitik. Kelompok manusia Mongoloid selatan,

khususnya Malayo-Polinesia atau Austronesia, yang menguasai rantau kepulauan Asia Tenggara ini telah bermastautin dan membina sistem kemasyarakatan, kenegaraan serta ekonomi pertanian¹ dan perdagangan yang definitif, mentakrifkan nama serta jatidiri kepada alam ini sebagai 'Melayu'. Demikian itu, pada ketika kemunculan millinium pertama Masihi Alam Melayu telah membentuk tamadunnya sendiri dan hanya menerima pengaruh dari luar, khususnya India dalam konteks ketamadunan ini. Dengan mengutip Coedes, D. G. Hall mencatatkan tamadun Alam Melayu sebagai, "*its characteristics thus: (i) the cultivation of irrigated ricefields, (ii) the domestication of ox and buffalo, (iii) rudimentary use of metals, and (iv) skill in navigation; on its social side (i) the importance of woman and of descent on the maternal line, and (ii) the organization resulting from irrigated cultivation; and on its religious side (i) animism, (ii) the worship of ancestors and of the god of the soil, (iii) the location of shrines on high places, (iv) burial in jars or at dolmens, and (v) a mythology imbued with cosmological dualism of mountain versus sea, winged being versus water being, .men of the mountain versus men of the sea-coast.*"ⁱⁱ

Sejak awal kurun Masihi, tamadun besar seperti China mengenali manusia Alam Melayu di wilayah 'laut selatan' (nanghai) sebagai *Kun-lun* dan sebagai *Dvipantara* (orang pulau) oleh India.ⁱⁱⁱ Dalam masa yang sama, wilayah ini terkenal sebagai *suvarnabhumi* oleh para pendita India dan pengetahuan yang sama digunakan oleh geografer Ptolemy (Yunani) di Iskandariah (ke2M) sebagai *golden khersonese* (semenanjung emas). Pedagang Arab yang belayar ke China melalui Selat Melaka sejak abad ke-9 mewariskan pengetahuan Alam Melayu dengan konsep 'tujuh lautan' (al-Ya'qubi, k-9M), *waqwaq* (ibn Khurradadhbih, 9M) dan *zabaj* (al-Jahiz, 9M)^{iv} dan kemudiannya disebut juga *jawi*. Identiti *Malay Archipelago* dan *Malaysia* (kepulauan Melayu) muncul di kalangan para penulis Eropah sejak abad 16 dengan kedatangan Portugis dan Sepanyol yang diikuti oleh Belanda dan Inggeris.

Semua identiti atau jatidiri ini merujuk kepada keadaan kepulauan ataupun kepada kependudukan di wilayah ini yang berinteraksi dan bertembung dengan para pendatang, pengembara dan pedagang yang melihat kesatuan kebudayaan terutama dari sudut bahasa dan adat istiadat. Sejak abad ke-7 kurun Masihi telah terbangun pula tamadun berasaskan kenegaraan Sriwijaya yang menetapkan identiti itu sebagai 'Melayu'. Namun Sriwijaya adalah pewaris dari pelbagai kenegaraan 'Melayu' yang bermula dari Funan dan Champa di Annam (Indochina) yang telah tegak sejak kurun ke-2 Masihi dan dikenali sebagai Lin-yi oleh China^v dan kekal dalam berbagai bentuk hingga pertengahan kurun 19.^{vi}

Kerajaan-kerajaan awal kelompok Melayu yang menebar luas dari kerajaan kuno di Funan (ke2M-6M) yang dikatakan oleh Hall sebagai, "*The Funanese were of Malay (in its widest ethnic sense) race, and still in its tribal state at the dawn of history.*"^{vii} Lin-yi yang dikenali China itu adalah merupakan kerajaan 'Melayu' yang menurunkan Champa sejak abad ke-3M yang telah diterbitkan dari kerajaan Funan. Demikian juga beberapa buah kerajaan di Segenting Kra (Selatan Thai sekarang) yang dikenali dari catatan China sebagai Tun-sun, Tu-

kun dan Chu-li dan kemudiannya Lang-ya-hsiu (Langkasuka) adalah juga bahagian dari kerajaan Melayu Funan kuno.

Selepas kerajaan Funan, berganti pula kekuasaan Lin-yi yang kemudian, sejak kurun ke-5 dikenali pula sebagai Champa, yang berkembang dengan kuatnya, memerintah dari kawasan utara di propinsi Quang Binh, Vietnam sekarang. Kerajaan inilah yang meninggalkan puluhan prasasti batu di lembah Mison, Dong Duong dan Tra Kieu sebagai saksi kepada kegagahan menegakkan kerajaan dalam tempoh 15 kurun hingga jatuh ke tangan Vietnam pada pertengahan abad 19. Hingga kini masyarakat Cham serta sekutunya, golongan Jarai dan Rhade dari kalangan kelompok Melayo-Polinesia di pergunungan, tetap berada di propinsi selatan Vietnam khususnya Thuan Hai.

Pada zaman teragungnya kerajaan Lin-yi / Champa mempunyai raja yang terkenal dan seorang darinya bernama Che Bo Nga. Bersama Funan, mereka juga membina hubungan dengan kepulalaun Alam Melayu, khususnya Jawa (kurun 8) dan Melaka pada abad 15. Kewujudan Champa dinilai oleh ahli sejarah sebagai berikut: *“One of the wonders of Cham history is that a Malayo-Polinesian people was able to compete for space in a continental environment for so long.”*^{viii}

Perubahan suasana global dunia sejak abad ke-7 dengan kebangkitan Islam di jazirah Arab telah mempengaruhi dengan amat mendalam keadaan tamadun di Alam Melayu. Sementara perdagangan pra-Islam di antara dunia Arab / Farsi dengan Alam Melayu telah berlaku sejak zaman Yunani pada kurun awal Masihi, terutama dalam rangka perdagangan jauh antara China dan India serta Eropah (Yunani) namun di zaman keagungan Islam Abassiyah di Basra dan Baghdad yang telah memperlihatkan penguasaan para pedagang Islam dalam perdagangan Lautan Hindi serta perjalanan laut ke timur. Melalui laporan serta tulisan para pengembara dan sarjana Islam, maka dunia Timur selepas India telah mendapat pencatatan yang nyata, menghapuskan cerita-cerita dongeng dan khayal yang selama berkurun menjadi bahan pengetahuan orang-orang Barat.

Lama sebelum Marco Polo sampai ke China dan kemudian pulang ke negerinya Venice di Italy melalui Selat Melaka, Lautan Hindi dan Laut Merah pada tahun 1292M para pedagang Islam telah mencatatkan kewujudan Alam Melayu dan perjalanan laut ke China. Pada tahun 632M, ketika Nabi s.a.w wafat, Islam telah menawan Farsi dan menguasai jalan ‘sutera’ ke China. Pada tahun 711M Islam menguasai dunia dari Sepanyol hingga ke sempadan India. Sejak itu perjalanan laut dari Teluk Arab / Farsi ke China merupakan satu penemuan yang amat agung. Perdagangan menjadi mudah dan Alam Melayu menerima kebangkitan akibat lalulintas itu. Inilah zaman keagungan empayar Melayu, kerajaan Sriwijaya yang berada di tengah-tengah perjalanan itu. Pedagang Arab telah yang memperkenalkan pergerakan ‘angin musim’ yang disebut ‘mawsim’ dan kini dikenali sebagai ‘monsoon’. Angin inilah yang membawa para pedagang dan pengembara dalam pelayaran dari Barat ke Timur dan Timur ke Barat sebelum

terciptanya kapal api (steamship) pada abad 19. Angin inilah juga menjadi asas pengetahuan Alam Melayu yang melihat Barat sebagai 'atas angin' dan Timur sebagai 'bawah angin'.

Perdagangan sentiasa memainkan peranan yang amat utama dan agung dalam pembinaan tamadun manusia. Tukar-ganti barangan antara seluruh dunia memperkaya dan memperbanyak keperluan manusia seluruhnya. Namun kehadiran pelbagai barangan keperluan itu berada di pelbagai tempat dan kawasan yang berjauhan hingga memerlukan perjalanan dan perdagangan jauh sebagai kaedah tukar-ganti. Demikianlah pelbagai rantau dunia bertukar-ganti barangan masing-masing untuk memenuhi pelbagai keperluan itu. Sekaligus kegiatan ini membangun tamadun manusia. Dalam kesibukan pertukaran inilah Alam Melayu memainkan peranan untuk membekalkan segala macam rempah ratus, galian emas dan timah dan barangan laut serta tempat persinggahan selamat untuk mendapat perbekalan makanan dalam perjalanan dari Barat ke Timur dan sebaliknya. Perjalanan melalui pelayaran adalah amat bergantung kepada pergerakan dua angin - musim timur laut (NE) pada Oktober-Mac dan barat daya (SW) pada April-September atau di kenali juga sebagai angin utara (tara) dan angin barat (barat). Dalam tempoh enam bulan inilah pelayaran mesti berlaku untuk sampai ke barat atau ke timur jauh.

Dalam tempoh yang singkat ini para pelayar dan pedagang dari rantau Arab dan India yang membekal Eropah dengan barangan mewah sutera dari China seringkali terpaksa singgah di Alam Melayu untuk mendapat barang makanan dan air atau menanti pertukaran angin sebelum belayar terus ke China. Demikian juga sebaliknya. Maka Alam Melayu menjadi persinggahan terpenting para pedagang Basra, Hormuz dan Calicut (Gujerat, India) ke China dan sebaliknya serta mendapat bekalan keperluan barangan rempah, kayu manis, kapur barus serta logam timah. Muncullah pelabuhan yang bertindak sebagai pasaran tukaran barangan yang amat meluas hingga muncul kerajaan-kerajaan Melayu yang berkuasa dan kaya. Begitulah fungsi pelabuhan Langkasuka, Kalah (Kedah), Zabaj (Sriwijaya) dan Melaka dalam lalu-lintas dagangan yang amat pesat. Laluan itu meluas ke seluruh Alam Melayu hingga ke Jawa, Maluku, Kalimantan dan Kepulauan Sulu untuk membekal dan mengumpul pelbagai barangan rempah, hasil laut dan hasil hutan. Kayu manis (yang ditukar-sebut menjadi 'cinnamum'), buah keras, kapur Barus, tripang (gamat), damar dan rotan menjadi amat terkenal sebagai barangan Alam Melayu hingga mendorong pedagang Barat (Eropah) untuk mencari jalan ke timur dan pedagang Alam Melayu belayar ke timur dan barat membawa barangan mereka. Perjalanan ini mendorong dan mendokong juga pembesar Melayu yang menguasai dagangan untuk belayar jauh ke barat hingga membina dinasti kerajaan Merina di Madagaskar pada awal millennium Masihi. Peristiwa ini dirakam legendanya oleh Pliny, sejarawan terkenal Romawi di Iskandariah. ^{ix}

Demikian kedudukan amat strategis Alam Melayu dalam pertukaran angin pelayaran meletakkannya di tengah jalan pelayaran itu untuk membangun tamadun agung Melayu sendiri yang menanam jatidiri atau identiti Melayu

kepada seluruh alam kepulauan Melayu dan juga mewarisi tamadun agung dunia dari jazirah Islam, Hindu-Buddha India, kebendaan China dan kemudiannya Nasrani Eropah. Pergolakan ketamadunan inilah yang diperhatikan berlaku dari abad 7M hingga ke 18M dan melahirkan kemelayuan di Alam Melayu sehingga kini.

2. Dari Sriwijaya ke Melaka

Kerajaan Melayu Sriwijaya di Sumatra muncul dan maju sejak sebelum abad ke-7M, dalam abad yang sama dengan kemunculan agama Islam di Makkah dan kemudian berkembang di Madinah. Kota tamadun Melayu di Sumatera selatan ini menjadi pusat perkembangan agama Budha Tantrisme yang menjalin hubungan dengan Jawa dan Nalanda di India dan kemudian Tibet serta seluruh alam yang menerima agama Buddha di Burma dan Siam. Tamadun Melayu ini terus berkembang luas ke seluruh Alam Melayu dengan perkembangan Sriwijaya yang menakluk sebahagian besar Sumatra, Semenanjung Tanah Melayu dari segenting Kra di utara, Jawa Barat dan Kalimantan Barat. Dengan kewibawaan politik serta kekuatan ketenteraannya Sriwijaya telah menguasai jalan laut di Selat Melaka dan menimba segala keuntungan dari lalu-lintas perdagangan timur-barat itu. Kemakmuran dan kewujudannya dapat dikatakan amat bergantung langsung kepada lalul-lintas perdagangan dan keupayaan membekal keperluan perdagangan itu dan sekaligus mendapat manfaat ekonomi dan politik dengan pembinaan negara-empayar darinya.

Tamadun Melayu (dalam pengertian luas) tersebar di seluruh Kepulauan Melayu meliputi Semenanjung Tanah Melayu dari segenting Kra di utara, Sumatra, Jawa, Kalimantan, kepulauan Mindanao-Luzon, Champa dan kepulauan Nusa Tenggara (Indonesia timur) melalui penyebaran perdagangan luar dan dalam wilayah. Dari luar ia bertindak-balas dengan laluan perdagangan Arab, India dan China yang berulang-alik melalui Selat Melaka. Dari dalam rantau ini ia mengumpul barangan dari seluruh kepulauan untuk memenuhi keperluan laluan dagangan antarabangsa itu dan sekaligus menjadi penakluk wilayah Melayu.

Dalam pada itu pergolakan politik tetap berlaku dengan negara serantau khususnya di Tanah Jawa yang sentiasa bersaing untuk menguasai jalan dagangan dan kekayaannya. Pertembungan dengan Sri Lanka dan Siam berlansung dalam merebut kekuasaan agama serta politik dan ekonomi yang tidak berkeputusan. Legenda "Merung Mahawangsa" dalam sejarah Kedah merakam suatu pertembungan yang amat ganas dan keras dalam perlambangan 'peperangan dengan garuda' dari kuasa barat – Rom dan Farsi – dengan China di timur. Langkasuka-Kedah sebagai pusat kota Sriwijaya di sebelah utara Selat Melaka, telah merakam pergolakan itu dalam bentuk yang amat garang serta 'cannibalistic' dari perwatakan Raja Bersiong.

Labih-lebih lagi di dalam ingatan bangsa Melayu, pertukaran mereka dari agama Buddha (kafir) ke agama Islam adalah kerana kedapatan terlalu banyak keburukan yang sedang berlaku di dalam masyarakat sehingga disamakan dengan kebudayaan syaitan dan iblis. *Hikayat Merong Mahawangsa* misalnya memaparkan betapa Sheikh Abdullah Yamani yang datang dari Baghdad kerana suruhan gurunya Syeikh Abdullah Baghdad, untuk membawa Islam ke Kedah, telah mengikuti kembara raja syaitan untuk menyaksikan dan memahami segala macam kejahatan yang dilakukan oleh raja syaitan ke atas manusia dan menjadikan seluruh masyarakat manusia porak-peranda. Manusia menjadi pembunuh, perogol, penjudi, penjahat, penzalim, tamak-haloba, berperang serta bermusuhan, menjadikan perempuan penggoda di mana sahaja beliau berada sebagai saksi kepada gelagat syaitan. Akhirnya Syeikh Abdullah berada di istana Raja Phra Ong Mahawangsa, Raja Kedah. Ketika tengah malam, raja Phra Ong Mahawangsa telah terbangun untuk minum maka raja syaitan telah mengencingkan piala araknya untuk diminum oleh Raja Phra Ong Mahawangsa. Syeikh Abdullah terkejut dengan kekejaman dan kekejian sikap raja syaitan yang menyebabkan seorang raja meminum kencing sehingga Syeikh Abdullah membantah.

“Maka kata Syeikh Abdullah kepada penghulu syaitan itu, ‘Pada tempat yang lain tiadalah hamba tegur. Ini ia seorang raja besar, memegang suatu negeri. Maka sampai hemat tuan hamba memberi ia minum air kencing.’” (HMMW, Karya Agung, 1998: 108)

Raja syaitan amat marah dengan teguran Syeikh Abdullah lalu merampas tongkat yang diberinya sehingga Syeikh Abdullah menjadi kelihatan di mata Raja Phra Ong Mahawangsa. Syeikh Abdullah telah menasihati Raja Phra Ong Mahawangsa akan perbuatan raja syaitan dan menjelaskan,

“... akan zaman kedatangan agama Nabi Muhammad Rasulullah yang akhirul-zaman dan menyeru supaya sekalian manusia membawa syariat agama Islam. Kerana raja mengikuti agama yang tidak benar maka datang segala iblis syaitan membuat haru-biru. Maka seluruh pembesar dan rakyat Kedah memegang agama Islam dan raja pun dinamakan Sultan Muzalfal Shah.” (halaman 109)

Kedatangan Islam dan secara damai menukar aqidah bangsa Melayu. Perubahan radikal secara damai inilah yang memperluas pengaruh kebudayaan Melayu dan bersaing dengan kebudayaan Jawa dan Siam yang amat kuat dan dalam diresapi oleh agama Hindu serta Buddha. Sriwijaya Buddha sering bersama dengan Jawa Budha tetapi akan berperang dengan kerajaan Jawa Hindu. Persaingan hebat ini dan juga pelbagai perubahan dalam perjalanan lalu-lintas dagangan dan kebudayaan akhirnya membawa kepada kelemahan dalaman bagi Sriwijaya. Pada abad ke-10 dan 11 kerajaan Jawa Timur mencapai puncak di bawah Dharmavamsa dan penggantinya Airlangga. Raja-raja ini saling

berperang dengan Sriwijaya yang membawa kelemahan itu. Akhirnya kerajaan Chola di India Selatan menyerang Sriwijaya, termasuk Kedah yang menjadi pusat kerajaan di bawahnya, hingga membawa keruntuhan pada kurun berikutnya.

Selari dengan pergolakan politik ini berlaku pula perubahan dagangan luar apakala dinasti Sung dan kemudian Ming di China membangun perdagangan luar yang langsung dengan India dan Asia Barat dan juga perubahan alam yang mencetakkan pelabuhan Sriwijaya sehingga pelabuhan Sriwijaya tidak lagi menjadi tumpuan untuk bertukar barangan atau persinggahan lama. Pada masa yang sama telah muncul pula beberapa pusat perdagangan kecil yang menyaingi Sriwijaya dan mula bertapaknya kerajaan Islam di Perlak, Pasai dan Pedir di utara Sumatra. Di Jawa telah muncul dengan kuatnya kerajaan Majapahit yang menguasai wilayah-wilayah Sriwijaya di selatan Sumatra, Kalimantan dan Semenanjung Tanah Melayu. Di sebelah utara telah muncul pula kerajaan Siam Ayuthiya yang masuk ke Tanah Melayu menyaingi kekuasaan kerajaan Melayu Sriwijaya itu. Demikianlah kuasa politik Melayu itu amat tercabar dan terpecah dari Palembang ke Jambi hingga langsung melumpuhkannya dan hapus pada kurun ke 13M.

Demikianlah Marco Polo (abad 13) dan Ibn Batuta (abad 14) menemui kerajaan Islam di Aceh (Pasai dan Perlak) dalam perjalanan dari China dan ke China.

Kejatuhan Sriwijaya diwarisi oleh Melaka sebagai pusat agung kerajaan Melayu. Sekali lagi perdagangan antara bangsa China-India-Arab-Farsi menjadi jaringan mendokong kemakmuran Melaka. Melalui naungan dinasti Ming Melaka sempat makmur dan kekal selama 100 tahun lebih. Namun dinasti Ming yang berkuasa membentuk pelbagai kerajaan seberang laut untuk pembayar ufti di sepanjang perjalanan dagangan timur-barat itu, terutama setelah berlaku demonstrasi agung kekuatan armada China di bawah Laksaman Zeng He (Cheng Ho) yang beragama Islam. Dengan himpunan lebih 317 buah kapal berbagai saiz dan kegunaan, 27,870 pelaut, laskar, pedagang, sida-sida, pegawai, penilik dan pelbagai golongan lagi telah belayar ke Barat. Bersama mereka 62 buah kapal *baochuan* (kapal hartakarun) yang sebesar 400 kaki panjang dan 170 kaki buca dan 9 tiang layar. Zeng He melakukan tujuh pelayaran China-India dan akhirnya ke Afrika dan Makkah dari 1405 hingga 1433M.^x Walaupun pelayaran ini kemudiannya terhenti oleh dasar dinasti Ming yang telah mula lemah dan tidak lagi keluar perdagang jauh namun amat nyata betapa faktor dagangan ini adalah satu-satunya yang amat mempengaruhi ketamadun Melayu khususnya Islam yang telah bertapa sejak abad 13. Keadaan inilah juga kemudiannya yang menarik kedatangan pedagang dan pelayarn Eropah didahului oleh Portugis pada 1499 di India, Sepanyol di Filipina, Belanda dan akhirnya Inggeris.

Nyatalah Sriwijaya dan Melaka yang meliputi hampir semua pusat kerajaan Melayu dari Segenting hingga ke Sumatra dan Kalimantan dan Jawa merupakan

puncak-puncak keagungan kerajaan Melayu yang mebinakan tamadun dan kebudayaan agung berkesinambungan selama lapan abad. Melaka mewarisi tamadun Buddha Sriwijaya tetapi segera diganti oleh Islam yang telah lama bertapak di Sumatra. Melaka menjadi pusat penyebaran Islam di seluruh rantau Melayu. Kejatuhan kota pelabuhan Melaka di tangan Portugis, kemudian ditakluki Belanda dan Inggeris tidak memberhentikan proses pengislaman itu. Semakin Islam tercabar oleh kehadiran serta desakan Nasrani di Alam Melayu maka semakin pula ia bertindak membalas dengan gerakan politik pertahanan dan pendakwaan yang kencang dan meluas. Motivasi keagamaan ini telah membawa Islam ke seluruh Semenanjung Tanah Melayu dari segenting Kra di utara, Sumatra, Jawa, Kalimantan dan seluruh kepulauan Melayu hingga ke Sulawesi, Maluku, Nusa Tenggara, Mindanao dan Luzon pada abad-abad berikut dari kejatuhan pelabuhan Melaka itu. Kemunculan negeri-negeri Melayu di Tanah Melayu dan Sumatra adalah akibat langsung dari perpecahan empayar Melaka yang cuba mengganti kedudukan Melaka. Mereka menjadi Islam di zaman Melaka. Hanya di Aceh Islam bertapak lebih awal hingga menjadi batu loncatan untuk ke Melaka. Wilayah-wilayah lain diresapi Islam dari Melaka atau dengan hubungan Melaka termasuk Demak di Jawa.^{xi}

Dalam sejarah Kepulauan Melayu, Melaka dan Demak di pesisir utara Jawa Timur, merupakan kota *frontier*, perbatasan hadapan Islam, yang mewarisi tamadun agung Melayu-Jawa dari zaman Buddha-Sriwijaya dan Hindu-Majapahit. Cukup menarik diperhatikan betapa kedua-dua kota ini adalah pelabuhan baru yang terbangun di luar dari pusat peradaban Buddha dan Hindu sehingga membenarkan banggunya Islam tanpa pertembungan fizikal dan spiritual dengan Buddha-Hindu di tengah pusat teragungannya. Meskipun pada abad 15 Palembang-Jambi telah lama merudum sebagai pusat Buddha, tidak seperti Majapahit yang masih berkuasa, namun lokasi pelabuhan itu membuka kesempatan yang amat luas untuk Islam yang telah menguasai perdagangan Lautan India dan Timur Jauh. Di kedua kota pelabuhan inilah Islam berkembang dengan amat pesat untuk meliputi seluruh Nusantara. Malah Melaka menjadi pusat jaringan utama bagi para pedagang Islam Cambay (Calicut di Gujerat) dan Demak. Sejak itu tamadun dan kebudayaan Melayu telah terus diresapi Islam dengan transformasi mendalam ke akar-umbunya, dalam sistem serta institusinya, hingga kedua-duanya bersepadu dan mengambil satu identiti - Islam.

Kenapa bangsa dan budaya Melayu menolak agama Hindu dan Buddha yang sekian lama dipegang dan diyakini sejak awal kurun Masihi, lalu menerima Islam sepenuhnya telah menjadi persoalan yang amat kontraversial dalam penelitian sejarah di seluruh Kepulauan Melayu. Namun amat jelas bahawa kedatangan dan kehadiran Islam secara damai dan aman di kalangan bangsa Melayu telah diterima sepenuhnya oleh raja dan para pembesar hingga memudahkan penerimaan di kalangan orang awam. Islam secara damai meresapi seluruh masyarakat dan kebudayaan Melayu hingga menjadikannya beridentifikasi sepenuhnya dengan Islam. Melayu adalah Islam di Alam Melayu.

3. Adat dan Syariat

“Adat bersendi syara’, syara’ bersendi kitabullah” (Hukum Adat Melayu)

Suatu evolusi dan transformasi mendalam dan radikal kebudayaan berlaku di kalangan pelbagai kelompok suku-bangsa Melayu setelah beberapa lama berkontak dan meresapi Islam. Masyarakat dan kebudayaan Melayu ditransformasi hampir seluruhnya menjadi Islami dengan perlahan mengenyahkan segala unsur bukan-Islami baik yang asli maupun yang datang dari kalangan agama dan upacara Hindu-Budha yang terdahulu, menjadi bahagian asasi dalam kehidupan kini. Dengan menerima identiti Islam maka seluruh landasan dan asas kebudayaan terobah, sesuai aqidah Islam. Alam yang melingkungi dan segala bentuk binaan budaya dan sistem kemasyarakatan dirasionalisasi dan dibangun di atas tuntutan aqidah Islam sehingga mencapai suatu identifikasi atau jatidiri yang Islami. Tradisi budaya yang dicipta dalam ribuan tahun diinkorporasi sebagai Islami dalam gagasan ‘adat’ yang memancarkan perasionalan seluruh anasir dayacipta budaya, seluruh kebudayaan itu sendiri. Dari pengertian terhadap unsur alam hingga kepada bahasa, sastera, sistem politik, ekonomi dan kekerabatan serta peralihan dan segala macam upacara telah mengikuti acuan Islami yang amat berwibawa ke atas kuasa alamiah yang menjadi struktur psike dan kosmologi di zaman lampau yang kuno.

Proses budaya ini melimpah pula ke dalam masyarakat pinggiran yang sentiasa bertemu dengan tamadun Melayu dalam hubungan dominan dan penguasa dengan kelompok sekitar itu. Kerajaan Melayu, baik di Pasai, Melaka, Demak, Brunei maupun di Aceh, sentiasa mempunyai kelompok-kelompok suku bangsa kecil yang menjadi anggota kenegaraannya terutama di kalangan kelompok ‘asli’ di pedalaman yang dikenali dengan lokasi penempatan mereka di ‘darat’, ‘ulu’, ‘laut’, ‘kuala’, ‘dayak’ (darat) maupun ‘dusun’. Sebahagian besar mereka menjadi pesuruh atau ‘orang raja’ Raja Melayu dan mempunyai kedudukan serta fungsi yang amat erat dengan perjalanan kenegaraan seperti Orang Laut, Seletar dan Orang Kuala yang berfungsi sebagai pengiring raja.

Yang amat menonjol dalam pertembungan dan pertemuan tamadun Melayu dengan Islam ialah munculnya konsep dominan Islam yang mentakrif alam dan pemikiran kebudayaan Melayu. Bukan sekadar hal-hal aqidah asasi seperti tauhid dan hukum utama seperti syariah yang menjadi pembina susuk dan bentuk masyarakat serta negara Melayu dalam kehidupan awam bahkan segala macam gagasan dan konsep kehidupan harian berkembang dalam pergaulan serta perpaduan antara tamadun Melayu dan Islam. Proses ini berterusan dari dahulu hingga kini, selama lebih tujuh abad, kerana pusat transformasi awal adalah di kalangan pemerintah di pusat kota dan merebak ke dalam masyarakat

awam dengan beransur dan kemudian meluas di kalangan masyarakat awam sendiri. Perkembangan dari pusat ke pinggir masyarakat memakan masa yang panjang dan melalui evolusi yang belum selesai.

Terunggul di antara gagasan budaya ialah kategori dikotomi atau dua bahagian tanggapan yang berlaku antara gagasan budaya *Melayu asli* dan *ajaran syariah*. Tamadun Melayu menerima pengkategorian Islam terhadap anasir budaya dalam kehidupan sebagai dua kategori gagasan, tindakan dan perlakuan yang terpisah dan terasing ke dalam kategori 'adat' dan 'syariat'. Lebih dari itu diterima juga kategori ketiga yakni 'akal'.^{xii} Namun dua kategori pertama itu yang menakrif alam fikiran dan akal budi Melayu. Segala yang Islam adalah hukum Tuhan yang diwahyukan kepada Nabi s.a.w dan dikenali sebagai hukum syariah. Hal ini berbeza dari hukum bukan sumber Islam, yakni bentuk budaya hasil ciptaan manusia, yang digolongkan sebagai 'adat'. Namun, tidak semua yang bernama 'hukum syariah' yang dimuafakati oleh jumhur ulama merupakan wahyu kerana ada bahagian sumber hukum yang berpunca dari 'adah' atau 'urf'. Yang difahami sebagai 'urf' dan bertukar-ganti dengan pengertian adat ialah: "*the recurring practices which are acceptable to people of sound nature.*" (Amalan yang berulang, menjadi kebiasaan, yang dapat diterima oleh kelompok manusia yang waras).^{xiii} Dalam pengertian begini maka terungkap apa yang dinamakan oleh Taufik Abdullah sebagai 'diktum keramat' rumusan inti dan fundamental mengintegrasikan tamadun Islam-Minangkabau (Melayu) sebagai 'adat bersandi syarak, syarak bersandi kitabullah'.^{xiv} Ini adalah penerimaan mendalam akan fungsi Islam sebagai penentu – *determinant* – terhadap konstruksi tamadun Melayu selepas menggantikan anasir Hindu-Buddha. Namun segala yang bernama adat bukannya anasir Hindu-Buddha. Sebahagian dari adat itu termasuk segala paduan anasir Melayu dari zaman pra-Hindu dan pra-Islam terutama dari sumber alam tabi'i yang dicerna dan 'dialami' ke dalam tubuh dan kesadaran tamadun dan kebudayaan Melayu. Secara dinamik kebijaksanaan atau *local genius* manusia Melayu berhadapan dengan pelbagai cabaran dan ancaman anasir alamnya hingga membentuk hukum adat sebagai penyelesaian kepada masalah mereka. Himpunan dari kebijaksanaan akal Melayu itu kini dikenal sebagai hukum adat.

Adat adalah konsep dari sumber syariah Islam yang telah lama dibahaskan oleh para ulama terkemuka,^{xv} dan menjadi prinsip dalam pembinaan hukum Islam. Cukup menarik gagasan ini menjadi konsep deskriptif terhadap segala hal kebudayaan dalam masyarakat Melayu dan juga masyarakat rumpun Melayu yang berkontak dengan kerajaan Melayu. Masyarakat rumpun Melayu bukan-Islam seperti Orang Darat, Orang Ulu, Dayak, Bajau, Dusun, Bali, Batak dan Toraja^{xvi} menggunakan gagasan adat sebagai tanggapan generik dan umum untuk memerikan serta memahami segala unsur kebudayaan mereka. Adat adalah anasir kebudayaan dan mengandungi segala ciri pembeza kelompok-kelompok itu dibanding dengan yang lain.

Pengertian yang sama dapat diperhatikan dalam kebudayaan Melayu sejak dahulu meskipun kini gagasan adat itu telah teramat disempitkan hingga menjadi

terlalu kecil untuk dimanfaatkan sebagai kerangkaan pembinaan tamadun dan kebudayaan di zaman kini. M. B. Hooker (1970)^{xvii} meneliti tanggapan adat dan kegunaannya dalam bentuk generiknya yang amat luas. Betapa asasi dan fundamental pemaduan anasir Melayu Islam dapat diamati dan diperrhatikan di dalam pelbagai institusi kebudayaan Melayu kini.^{xviii}

i. Jatidiri Melayu

Transformasi utama budaya Melayu ialah terhadap pribadi Melayu sendiri untuk menjadi manusia unggul dan rasional. Terdapat andaian di kalangan sarjana Islam bahawa kesadaran tentang kemelayuan muncul setelah Melayu menganut agama Islam. Barangkali gagasan seperti ini timbul dari para pemerhati yang melihat betapa asasinya Islam di dalam kebudayaan Melayu. Namun sejarah memaparkan fakta yang menegakkan nama ‘Melayu’ lama sebelum kemasukan Islam ke dalam tubuh budaya Melayu. Di zaman kerajaan Melayu Sriwijaya di Jambi pada kurun ke-11M telah wujud nama Melayu sebagai nama kerajaan. Pastilah telah ada kelompok masyarakat yang berkuasa dan dikenali sedemikian untuk menjadi panggilan oleh bangsa asing dari luar.

Meskipun kedatangan pedagang Islam telah membentuk kerajaan Pasai / Perlak (Aceh) di bawah kuasa Malik az-Zahir pada akhir abad ke-13 namun kerajaan ini nyata terbatas dan tidak menjadi sebuah negara yang ‘menakluk’ untuk mengembangkan Islam. Namun dengan kedudukan yang amat strategis di pintu masuk Selat Melaka dari barat maka pelabuhan ini segera menerima kehadiran Islam dan mencabar kedudukan negara-negara Hindu-Buddha di Kepulauan Melayu. Tugas menerima dan meluaskan kekuasaan Islam terpulang kepada Melaka hampir 200 tahun kemudian. Namun Pasai kekal sebagai negara Islam yang mempunyai kepakaran ilmu Islam yang menjadi rujukan bagi kerajaan Melaka dalam pelbagai masalah keagamaan.

Oleh kerana tugas menyebarkan dan mendakwahkan Islam itu terpikul di pundak kerajaan Pasai dan Melaka melalui jaringan kerajaan, ulama dan dagangan maka Islam mendapat identiti sebagai ‘agama Melayu’ dan bertukar agaman Islam menjadi difahami sebagai proses ‘masuk Melayu’. Pakaian sarung India atau pelikat dengan baju Melayu menjadi identiti Islam dan pakaian Melayu untuk semua masyarakat Alam Melayu. Demikian penyebaran agama itu menjadi identiti Melayu yang amat penting di seluruh Alam Melayu.^{xix} Lebih utama ialah pribadinya sebagai manusia bertamadun, membawa agama besar dan kitab yang agung bertulis adalah amat mengesani kebudayaan ‘asli’ yang kecil dan belum maju di sekitarnya. Manusia Melayu diterima sebagai pembawa tamadun dan model kemajuan manusia dirantau ini. Fakta sejarah ini diabadikan di dalam takrif perundangan tentang ‘Melayu’ di Malaysia dalam *Perlembagaan Malaysia* sebagai: mengamalkan adat Melayu, berbahasa Melayu dan beragama Islam. Demikianlah, gagasan keagungan ini berlaku sebagai puncak kesadaran di

dalam alam fikiran atau psike semua komuniti Melayu di Alam Melayu – Sumatera, Kalimantan, Brunei dan kepulauan lain, hingga kini.

ii. Bahasa

Berhubung rapat dengan insan Melayu yang membawa Islam itu ke merata cerok rantau Alam Melayu ialah bahasa Melayu yang digunakan oleh para ulama di merata tempat, sama ada mereka dari keturunan Melayu, Arab, Farsi, Champa dan India untuk mengajarkan agama Islam. Bahasa itu mengalami perubahan struktur dengan kemasukan struktur nahu Arab, kosakata dan gagasan serta konsep ilmu Islam yang lebih meluas dan mendalam menggantikan gagasan dan konsep Hindu-Buddha. Pertembungan bahasa ini dengan budaya Islam nyata tidak juga sering mesra seperti tercatat dalam *Sejarah Melayu* dengan peristiwa Makhdum Sadar Jahan mengajar Tun Mai Ulat Bulu yang sentiasa mencabar serta memerli gurunya tentang bahasa Melayu. Tun Mai dikatakan sentiasa amat sukar diajar untuk menyebut kata-kata Arab. Demikian juga peristiwa Seri Rama yang datang ke rumah Bendahara dengan mabuk dan diperli oleh Makhdum Sadar Jahan sebagai pekerjaan syaitan. Perli itu dibalas oleh Seri Rama dengan tuduhan Makhdum datang ke Melaka untuk mencari kekayaan yang juga merupakan pekerjaan syaitan.^{xx}

Meskipun sebelum kemasukan Islam bahasa Melayu telah ditulis dalam huruf Palava (tulisan India Selatan) sejak abad ke-7 seperti terdapat pada prasasti Sriwijaya^{xxi} maka pastilah sudah berlaku pertemuan bahasa Melayu dengan bahasa Sanskerta (Palava, Pali) dengan amat meluas selama lebih 7 abad sebelum kedatangan Islam. Namun bahasa Melayu tidak terlalu dirobah oleh struktur bahasa Sanskerta. Memang terdapat cukup banyak gagasan agama, falsafah, seni dan sistem sosial dari Sanskerta dalam bahasa Melayu yang antara lain-lain termasuk 'sembahyang', 'puasa', 'dosa', 'pahala', 'negara', 'permaisuri', 'raja', 'bakti', 'seri', dan sebagainya namun pengaruhnya ke atas bahasa Melayu tidak sedalam bahasa Jawa. Justeru demikian terdapat kesempatan Islam dan bahasa Arab meresapi bahasa Melayu dengan lebih berwibawa dan mendalam hingga menjadi perantara dan medium penyebaran Islam. Bukan sahaja pengajaran agama harus dilakukan dalam bahasa Melayu di kalangan orang Melayu bahkan di kalangan semua masyarakat rumpun Melayu yang lebih luas. Untuk membawa pengertian ketuhanan baru yang tauhid dan amat berkuasa ke atas alam dengan segala ritual dan upacara yang kompleks untuk manusia yang animistik ataupun Hindu-Buddhis maka bahasa Melayu memainkan peranan yang amat meluas. Lebih dari itu segala macam penulisan, sarah dan terjemahan kitab asli atau pun sarahnya berlaku dalam bahasa Melayu. Kemudahan bahasa ini menyebabkan sekian banyak kosakata Arab terserap menjadi bahasa Melayu dan bahasa serumpun sehingga sebahagiannya tidak lagi disadari berpunca Arab seperti kata sendi 'walau', 'mungkin' atau 'hatta'. Kosakata Islam itu memperkaya dan memperdalam keilmuan bahasa Melayu hingga dapat memancarkan pelbagai gagasan Islam di

dalamnya untuk berfungsi sebagai bahasa perantara, lingua franca, di seluruh Alam Melayu. Malah gagasan 'agama' itu sendiri sudah bermaksud khusus sebagai 'Islam' walaupun kosakata 'agama' ini bukan dari Islam. Agama bukan-Islam sudah turun menjadi 'kepercayaan' yang lebih rendah dari aqidah Islam.

iii. Sastera Prosa Dan Puisi

Perkembangan penggunaan bahasa Melayu dalam pelbagai suasana interaksi masyarakat suku bangsa Melayu dan rumpun Melayu di seluruh Alam Melayu sekaligus memerlukan penulisan risalah, kitab agama dan penjelasannya. Maka muncul himpunan sastera bertulis di samping sekian banyak bentuk sastera lisan yang kekal menjadi bahan ucapan dan wahana pengajaran di dalam masyarakat. Demikian kita melihat penulisan dan terjemahan hikayat, cerita, penglipurlara dan kisah binatang yang berfungsi sebagai sumber penyiaran fahaman baru serta peneguhan ideologi keagamaan baru di samping merobah bentuk dan isi hikayat lama dengan aqidah Islam yang tersebar luas seperti *Mahabarat*, *Ramayana* atau *Pendawa Lima* serta hikayat lain yang asalnya dari zaman Hindu-Buddha. Malah segala ritual (upacara) magis Melayu seperti jampi dan mantra kepawangan, perdukunan dan bomoh bertukar membawa ideologi dan aqidah Islam sebagai asas kebenaran dan kemujarabannya.

Pertembungan antara kedua ideologi lama dan baru ini seringkali meledak kerana para ulama Islam sering menyalah tafsir dan menentang keras fungsi serta kehadiran tulisan-tulisan lama yang berbentuk Hindu-Buddha. Segala hasil pra-Islam itu dilihat sebagai bid'ah, khurafat dan syirik hingga mahu saja membuang atau membakarnya seperti yang dicadangkan oleh ulama agung al-Raniri di Aceh. Seringkali para sasterawan Melayu memelihara bentuk-bentuk sastera terdahulu itu dengan merobah pelbagai watak dan filsafat ketuhanan di dalam tulisan sedemikian. Maka meresaplah nama nabi-nabi seperti Nabi Adam a.s, Nabi Khidir a.s, Nabi Muhammad s.a.w dan filsafat nur Muhammad dalam banyak cerita dari zaman Hindu-Buddha untuk menggantikan gagasan 'dewa-dewi' dan 'sang hyang' yang dari zaman Hindu. Kita saksikan misalnya Nabi Adam menjadi asal turunan Rawana di Langkapuri dalam *Ramayana*.

Di samping penyesuaian kitab-kitab dari zaman Hindu-Buddha itu berlaku penulisan yang amat prolifik terhadap hikayat Melayu sendiri yang seringkali mengambil model dari hikayat Islam Farsi atau India. Amat terkenal dalam model ini pastilah *Hikayat Amir Hamzah* dan *Muhammad Ali Hanafiah* yang mungkin telah mendorong penulisan epik teragung Melayu, *Hikayat Hang Tuah* kerana banyak bahan di dalam epik ini berbentuk antara-teks (intertext) yang jelas terutama berkaitan perjalanan Hang Tuah ke Rom (Istambul). Demikian juga format penulisan hikayat dan sejarah telah menyerapkan format sejarawan Islam khususnya Farsi yang mungkin merupakan pengaruh terawal di dalam kota pelabuh Melayu di Pasai maupun di Melaka dan lain-lain. ^{xxii}

Pada tempuh terakhir perkembangan Islam, sebaik berlaku penerimaan mendalam akan agama Islam dan muncul para ilmuan serta ulama Alam Melayu sendiri maka muncul penulisan dan terjemahan serta saduran yang amat meluas tentang mauduk Islam dari sejarah, usuludin, feqah, siyasa hingga kepada tib, faraid, sufisme, filsafat dan fihrasat serta bintang. Demikian kita bertemu nama-nama agung dalam penulisan kitab feqah, sejarah dan tauhid serta berbagai bidang yang amat luas di kalangan ulama Alam Melayu baik di Jawa, Sumatera, Patani, Tanah Melayu, Brunei dan Kalimantan. Bahawa munculnya segolongan ulama' Alam Melayu yang amat berwibawa dan berpengaruh di dunia Islam adalah bukti bahawa Islam itu sudah bentunjang dan mengakar-umbi dalam diri dan tamadun Melayu.

Di celah-celah penulisan kitab yang berbentuk prosa itu tersemat pula pelbagai puisi yang mencelah penjelasan prosanya. Hamzah Fansuri, seorang ulama' dan penyair sufi Melayu, dikatakan sebagai pembawa bentuk puisi 'syair' ke dalam sastera Melayu apabila beliau menggunakan genre ini untuk menjelaskan ajaran sufismenya dengan lambang 'perahu'.^{xxiii} Meskipun syair kemudian muncul sebagai bentuk yang amat unggul dan meluas digunakan sebagai wahana penulisan hikayat dan penceritaan berbetuk 'epik' (cerita pahlawan) dan masih berlaku hingga zaman moden ini namun pelbagai bentuk puisi lain meresap menjadi sumber pengucapan puisi Melayu dalam pelbagai suasana kehidupan. Nazam muncul sebagai puisi dodoi yang amat meluas untuk memulakan edaran hidup anak Melayu. Pelbagai puisi 'barzanji' menjadi asas nyanyian dan lagu dalam pengucapan lagu dodoi, puisi gurindam, nasyid dan ratib serta dikir menjadi permainan masyarakat awam mengucapkan segala cita rasa dan pemikiran Melayu. Segala ini adalah pengayaan yang amat mendalam akan perbendaharaan sastera puisi Melayu di samping kekal memelihara tradisi lokal seperti pantun, mantera, pepatah serta seloka dari zaman pra-Islam.

Namun yang amat bermakna dalam transformasi kesusasteraan Melayu ini ialah pengayaan yang tiada tolok bandingnya dalam pelbagai bentuk dan asas bahasa dan kepustakaan Melayu. Sekaligus bahasa itu mencapai puncak kekayaan kosakata untuk kesempurnaan pengucapan di zamannya dan berfungsi sebagai wahana penyebaran ideologi agamanya. Bahasa itu menjadi wahana tamadun Melayu baru yang jauh keupayaan kepentingan tamadun pra-Islam dan menembusi batas kemasyarakatan dan kebudayaan pelbagai kelompok sukubangsa dan rumpun Melayu yang amat jauh dari pusat bahasa Melayu di Selat Melaka. Masyarakat Nusa Tenggara (Indonesia), Bugis, Mindanao dan Champa memahami Islam dalam bahasa Melayu dan Melayu itu model Islam. Dengan demikian bukan sahaja bahasa Melayu itu menjdai bahasa perantaraan – *lingua franca* – Islam di Kepulauan Melayu bahkan memadukan sekalian masyarakatnya ke dalam suatu kesatuan budaya. Kita saksikan misalnya, pelbagai watak kuasa teragung dalam kepercayaan kelompok bukan-Islam rumpun Melayu adalah dari gagasan bahasa Melayu-Islam seperti 'Allah Taala' menjadi 'alatala' untuk kuasa tertinggi agama di kalangan masyarakat Orang Asli dan Dayak, Nabi Adam menjadi watak dewa dalam kosmologi Dayak, peristiwa

'banjir' Nabi Noh sebagai tema legenda Kalimantan dan 'Makkah' menjadi punca kedatangan nenek moyang Dayak Kalimantan.

Pembentukan mental, minda dan perwatakan Melayu yang Islami inilah yang berterusan sebagai sebuah transformasi struktural alam fikiran yang meluas dan mendalam hingga kini, membentuk wawasannya dan melebarkan jangkauannya sebagai satu kesatuan seluruh Alam Melayu.

iv. Alam dan Kerohanian

Transformasi tanggapan dan pandangan alam manusia Melayu berubah dari skala lokal yang hanya terikat dengan sekitaran lembah, perkampungan dan pedesaan di bawah kewibawaan pemimpin setempat seperti Penghulu dan Pawang di zaman proto-sejarah. Alam fikiran itu meluas kepada alam semesta dan wawasan alam yang berpaksi kepada Gunung Mahameru di zaman Hindu/Buddha. Alam ditanggapi sebagai terbentuk oleh susunan sebuah *mandala*, lapisan lingkungan sepusat atau *concentric* yang terpancar pada susunan kosmologi serta susunan sosio-politik kewibawaan para pemerintah dalam lapisan kasta yang utuh dan teguh.^{xxiv}

Islam merobah dengan amat radikal seluruh gagasan alam dengan memperkenalkan 'tujuh lapis langit dan tujuh lapis bumi' oleh Tuhan Allah yang Maha Agung meskipun kosmologi 'tujuh' telah berada dalam masyarakat Melayu di zaman pra-Islam. Di bawah ajaran Islam, alam itu tidak lagi hanya berpaksi kepada Gunung Mahameru dan Bukit Seguntang. Dengan mengarahkan seluruh pandangan dan mata hati ke arah qiblat, ke Makkah, maka gagasan 'alam' itu menjadi terbuka dan meluas ke seluruh alam semesta, kepada seluruh jagad raya. Apa lagi bulan dan bintang berfungsi sebagai penentu masa dan takwim untuk melakukan kegitaan ekonomi, sosial, upacara dan perayaan hingga keterbukaan alam menjangkau bidang geografis yang amat luas dan jauh hingga ke laut 'Qalzum', suatu wilayah yang tidak diketahui batasannya. Keterbatasan tanggapan awal akan alam itu meletakkan pusat-pusat perkembangan Islam seperti Pasai/Aceh atau wilayah mastautin para ulama sebagai 'serambi Mekah' untuk penduduk pedesaan. Demikian kita temui berbagai kawasan menjadi serambi Mekah di Alam Melayu termasuk Kelantan untuk Muslim di Annam (Champa), Pasai/Aceh untuk Selat Melaka dan Minangkabau untuk pesisir barat Sumatra.

Hiaraki alam dan struktur sosio-politik Melayu-Islam pula menjadi lebih egaliter atau sama-rata - manusia dianggap sama di hadapan Tuhan kecuali amalan dan taqwanya. Namun kesamarataan susunan sosial dari aqidah Islam itu berkompromi juga dengan tamadun pra-Islam yang telah meneguh serta diperteguh oleh tradisi struktur sosial Arab, Farsi dan India yang dilalui agama

Islam dalam perjalanan ke Alam Melayu. Pengalaman non-Islami yang dilalui itu menegaskan perlapisan sosial yang bertingkat-tingkat dan mempengaruhi struktur sosial Melayu. Sekaligus perlapisan Asia Barat dan India menjadi sah di kalangan ulamak untuk mengekalkan sistem hierarki Melayu. Asas yang terdapat dalam nas al-Quran tentang ketaatan kepada Allah, rasul dan ulil-amri menegaskan kesahihan itu. Hanya sistem kasta yang dihapuskan dari struktur sosial Melayu kerana egalitarianisme spiritual Melayu-Islam ternyata lebih berkuasa untuk menentukan bentuk kemasyarakatan Melayu yang lebih terbuka serta meringankan kesan kekerasan dalam lapisan-lapisan sosial itu. Konsep kelas atau 'bangsa' yang *rigid* dan ketat antara 'bangsawan', 'merdeheka' dan 'hamba-ulun' yang berlaku dalam semua masyarakat Alam Melayu menjadi amat sederhana di bawah pengaruh Islam sehingga dapat dihapuskan begitu sahaja oleh pentadbiran Eropah – Inggeris, Belanda dan Sepanyol - pada abad 19M.

Kelas tradisional itu ditanggap sebagai 'bangsa', suatu konsep tinggalan dari zaman awal kedatangan Hindu yang membawa konsep 'bangsa dewa' untuk menurunkan tamadun kepada pedesaan Melayu. Konsep raja-dewa atau *divine kingship* ini berterusan di sepanjang zaman Hindu-Buddha dan hanya terhapus oleh Islam melalui sekularisasi leluhur raja Melayu kepada Iskandar Zulkarnain. Sekularisasi leluhur tidak juga membasmi 'bangsa' dan kebangsawanan sebagai kelas utuh dalam masyarakat hingga ke zaman ini sebagai bukti betapa teguh institusi ini tercuat dan bertunjang di dalam konstruksi kemasyarakatan dan kebudayaan Melayu.

Sesuai dengan alam Islami yang lebih akliah / rasional maka kerohanian manusia Melayu juga berubah untuk memahami kosmologi yang lebih tersusun dengan kekuasaan masing-masing penghuni alam tertakluk kepada satu kuasa agung, kuasa 'akbar' yang menjadikan alam. Alam adalah ciptaan, makhluk Allah dan bukan fenomena berwibawa. Manusia Melayu kuno melihat alam itu sebagai personifikasi atau penjelmaan kuasa-ghaib yang dihidupkan oleh *semangat* (mana) dan berada pada segala tumbuhan, haiwan dan bentuk alam yang dihormati dan ditakuti. Konsep ini kita kenal sebagai bentuk kepercayaan *animisme*. Semangat adalah kuasa alam yang amat dihormati dan dipelihara sesungguhnya dengan pelbagai pujaan, upacara serta persembahan sajian kerana ia membekalkan segala kebaikan dan pemeliharaan kepada manusia dari pelbagai kemalangan dan kecelakaan. Namun terdapat kuasa ghaib yang jahat dan merosakkan dan juga para makhluk halus atau kewujudan yang lebih berkuasa dari manusia yang ditanggapi sebagai berbagai jenis dan golongan hantu, jembalang, mambang, jin dan syaitan. Di antara manusia dan alam wujud manusia 'perantara' (medium) yang amat tahu, berkuasa dan gagah yang dinamakan 'pawang' (shaman). Maka pawang menghubungkan manusia dengan alam melalui pelbagai upacara, serapah, jampi dan mengadakan upacara-upacara untuk memohon perlindungan, membayar kesalahan dan pantang larang dengan sajian serta menyatakan kebudiannya. Dengan demikian, terbit pelbagai bentuk nilai budaya yang tunduk menghormati alam serta kewibawaan

para penguasanya dan manusia Melayu melakukan pelbagai upacara serta ritual untuk melaksanakan pelbagai nilai alamiah itu.

Maka segala macam *beings* atau 'kewujudan' di dalam kosmologi Alam Melayu kuno ini kemudiannya diperkayakan dengan perwatakan kemanusiaan (*personalised beings*) pada dewa-dewi di zaman Hindu-Buddha yang berbaur dengan segala jenis hantu Alam Melayu. Hindu memperkenalkan suatu kuasa agung dalam alam semesta – Dewata Mulia Raya, Sang Hyang yang menjelma di dalam pelbagai bentuk dan rupa (*images*) kemanusiaan dikenali sebagai dewa dan dewi. Alam tidak lagi dikuasai oleh kuasa yang kabur dan takberbentuk seperti semangat (kuasa baik) atau badi (kuasa jahat), tetapi mempunyai perwatakan seperti manusia – kasih, sayang, marah, dendam atau sebagainya. Maka manusia Melayu mula mengenal peng'orang'an (*personification*) kuasa alam ghaib dalam pelbagai penjelmaannya dewa dan dewi Hindu. Maka lahir di kalangan bangsa Melayu fahaman keagamaan Hindu-Buddha yang berbaur dengan kosmologi alamiah asli Melayu dalam bentuk Buddha Tantrisme yang diamalkan oleh Kerajaan Srivijaya di Palembang, Sumatera.

Pelbagai penjelmaan makhluk Hindu-Buddha serta animisme asli itu kemudian berbaur pula dengan 'makhluk' malaikat, jin, syaitan dan Iblis pada awal kedatangan Islam sebagai penghuni ghaib dan luar biasa alam semesta atau kosmologi Alam Melayu. Gagasan kuasa ghaib itu sudah membekas dan mengental dengan tegas dalam alam fikiran bangsa Melayu. Maka gagasan 'dewata mulia raya' serta 'sang hyang' bertukar menjadi Tuhan Allah sebagai 'pencipta' (khalik) dan ciptaan (makhluk) yang maha agung, satu-satunya yang tiada tolok banding dengan kuasa lain. Sudah ada permulaan gagasan kuasa tuhan yang teragung dan natijah kuasanya, tidak lagi sekadar 'kuasa' semangat atau dewata sahaja. Demikian alam semesta Melayu itu kini dihuni oleh semua jenis 'makhluk' ghaib Melayu, India dan Arab-Farsi di dalam kekuasaan penciptanya Tuhan Allah sebagai pencipta teragung (akbar), sebagai 'rabbul-alamina'. Kosmologi baru bawaan Islam menuntut manusia Melayu sebagai 'makhluk' untuk sujud menyembah, menjadi hamba, melakukan 'perhambaan' (ibadah) kepada 'Rabb' (Tuhan) penciptanya. Insan Melayu masih perlu memuji, memohon, memelihara hubungan malah lebih-lebih lagi, mesti 'memperhambakan diri' kerana tiada kuasa lain terlebih agung dari 'Rabb' itu.

Di samping itu, terdapat perwatakan baru menghuni kosmos mereka terdiri dari para malaikat, 'kenabian' dan 'rasul' di samping pelbagai syaitan, jin, dewa-dewi dan hantu. Selaras dengan adat terdahulu, semua makhluk ini menjadi wahana, saluran perhubungan dengan alam semesta yang ghaib di kalangan pawanag, dukun dan bomoh yang berperanan sebagai golongan paling tahu dan pandai dalam masyarakat kuno itu. Namun kini para media itu mempunyai pula hubungan lansung dengan 'Rabb' yang kini dikenali sebagai 'Allah' serta nabi-nabinya untuk memohon segala doa dan jampi dalam segala bacaan mantra itu. Demikian dia menyeru pelbagai malaikat, nabi dan rasul dan malah jin, syaitan dan hantu di dalam jampi dan serapahnya ketika saat-saat memerlukan terutama dalam kegentingan sakit dan kesulitan untuk mendapat bantuan di samping

membaca 'doa' kepada Tuhannya. Maka, kosmologi Islam ini memperkasa spiritualisme Melayu di samping melahirkan kengerian dalam jiwa mereka dalam pelbagai suasana kehidupan yang penuh cabaran, ancaman, kesenangan dan juga kecelakaan serta musibah di sepanjang masa dan zaman.

Namun Islam telah mengangkat tinggi akan kerohanian yang lebih jitu dan akliah serta rasional dengan bentuk kuasa ghaib ketuhanan Allah yang lebih pasti serta jelas dengan sifat-sifat serta kuasa yang lebih jitu dan diyakini akan wibawanya. Itulah 'Allahu akbar' dan 'rabbulalamin' dalam ucapan setiap manusia Melayu-Muslim kini.

v. Takwim dan Perayaan

Dengan alam yang diatur oleh bulan dan bintang untuk pelbagai upacara dan kegiatan keagamaan maka seluruh sistem kehidupan tidak lagi ditentukan oleh takwim peredaran musim pertanian padi yang selama berabad di zaman pra-Islam ia menentukan rentak irama kehidupan itu. Walaupun fenomena pertanian dan perikanan sebagai rezeki sumber menjadi asas penentuan corak hidup Melayu itu berterusan hingga ke zaman Islam malah ke zaman moden kini namun takwim Islami berlandaskan bulan 'qamariah' mengatur perjalanan hidup Melayu. Hal ini terus berlansung hingga kini sehinggalah dicampur-adukkan oleh kedatangan takwim 'syamsiah' dari Eropah dan takwim-takwim lain.

Di zaman pra-Islam setiap tahap dan langkah pertanian padi dan kelautan mengatur susunan takwim tahunan dari awal hingga akhir. Dengan melihat pergerakan musim panas dan hujan serta angin maka para pawang dan penghulu mengetahui akan munculnya masa untuk memikirkan waktu berladang atau bersawah padi dari sejak memilih tapak ladang, menebang-menebas hutan, membakar dan menunu, menugal, membersihkan ladang, menuai, mengangin, menyimpan, kenduri, makan beras baru, menapai dan berpesta 'gawai', membuat kerja hutan atau memelihara lubang, menimba ikan dan kembali kepada membuat ladang atau sawah. Ataupun untuk turun ke laut. Putaran hidup adalah pusingan kegiatan pertanian padi dan laut maka 'semangat padi' dan laut itu menjadi kuasa ghaib yang amat mulia serta suci kerana ia menghidupkan manusia dan memelihara dari kelaparan. Jika berlaku sebarang kecelakaan alam maka pastilah telah berlaku pelbagai kesalahan melayan dan memelihara makhluk ghaib semangat padi atau laut itu. Telah berlaku pelanggaran pelbagai pantang terhadap makhluk halus dalam kosmos atau alam semesta terutama pelbagai kelakuan sumbang dalam kehidupan keluarga dan kampung yang menyalahi adat dan sumbang-salah hingga merosakkan keseimbangan hubungan dengan penghuni alam ghaib.

Asas kerohanian pra-Islam ini berubah dengan gagasan ketuhanan yang amat berkuasa, menghidupkan dan mematikan oleh islam. Tuhan yang mewahyukan segala aqidah dan kaifiat ibadahnya mengatur pula perjalanan alam, siang dan

malam, dengan matahari, bulan dan bintang sebagai makhluk Tuhan untuk menjadi petanda waktu yang amat tepat untuk melaksanakan pelbagai upacara dan acara keagamaan yang telah diwajibkan sepanjang masa dan hayat. Ruang-ruang waktu menjadi amat utama dan penting untuk melaksanakan pelbagai perintah Tuhan. Kegiatan harian, pusingan ekonomi, sosial dan politik adalah tertakluk kepada perjalanan waktu yang menetapkan tempoh berlakunya sesuatu upacara dalam kehidupan dan dalam pusingan edaran yang berpanjangan. Demikian itu takwim kehidupan serta pelbagai perayaan, upacara dan ritual adalah sebagai petanda kepada perjalanan waktu dan peristiwa yang sentiasa mengingatkan kewujudan ketuhanan yang maha agung dan maha mencipta.

Di sepanjang putaran hidup pribadi dari mengandung hingga lahir, dewasa dan mati adalah ditandakan oleh acara dan upacara petanda-petanda perjalanan nyawa sebagai edaran waktu. Sepanjang tahun matahari dan bulan memberi isyarat yang tetap akan perlakuan ibadah tertentu bergantung kepada saat berlakunya sesuatu peristiwa dalam sejarah yang menjadi perintah wajib dan suci. Demikian itu manusia harus maraikan 'awal muharram', mengingati safar, meraikan maulud, mengingati isra' dan mikraj, berpuasa, berhari raya dan barangkali menunaikan haji serta melakukan qurban. Segala ini adalah takwim Islami dalam hidup Melayu yang sentiasa menjurus kepada peringatan kepada Tuhan itu.

Demikian juga setiap hari yang terbagi kepada lima waktu solat (sembahyang) , bulan yang terbagi kepada empat jumaat dan tahun yang terbagi kepada pelbagai peristiwa termasuk puasa serta hariraya dan haul zakat serta fitrah. Segala ini adalah penentuan dan penetapan perjalanan masa dan waktu dalam kehidupan Melayu-Muslim yang dipadukan dari kehidupan dan takwim Islam ke dalam kebudayaan Melayu.

Dicelah-celah segala ibadah yang telah berkurun teratur itu maka tersemat pula pelbagai anasir lain yang melengkapikan dan menyempurnakan serta mewarnai perjalanan kehidupan manusia Melayu dalam lingkungan atau ekologi tropika dan khatulistiwa, yang berbeza dari alam gurun dan padang pasir Arabia, dikenali sebagai 'adat', budaya dan kesenian Melayu. Pada asasnya, pada tahap paling minima, kehidupan tidak memerlukan semua 'elaboration' atau perhalusan acara yang bernama adat. Namun, alangkah kacau dan kelam-kabutnya jika kehidupan harian sentiasa perlu difikirkan dan diatur setiap pagi seseorang bangun tanpa suatu yang telah rutin teratur dan diikuti begitu sahaja sebagai kebiasaan atau 'adat'. Dan, alangkah amat jemu jika rutin kehidupan harian dan tahunan itu amatlah asasi, biasa dan tidak sedikitpun terdapat sebarang perhiasan dan pengindahan dengan segala macam warna-warni serta tambahan yang seni dan halus. Amatlah menjelak dan membosankan selama 24 jam x 365 hari dalam setiap tahun kehidupan tanpa pewarnaan, pengindahan dan perhiasan yang dilaksanakan oleh acara pelbagai adat, upacara tambahan, seni dan budaya yang menyempurnakan seluruh corak hidup itu menjadi satu kesatuan yang membanggakan.

Di sinilah ditemukan dengan amat indah sekali segala kerasionalan dan sistematis takwim Islam dengan pewarnaan adat dan upacara budaya Melayu yang *indigene* dalam penyesuaian antara kedua-dua anasir tamadun ini. Adat itu adalah himpunan kebijaksanaan dan dayacipta Melayu yang asli dan telah difikirkankan secara ilmiah dalam pelbagai tahap pengertiannya. Ada 'adat yang sebenar adat', ada 'adat yang teradat', ada 'adat yang diadatkan', ada 'adat istiadat' dan ada 'adat kebiasaan'. Setiap tahap pengertian ini memberinya fahaman akan kepentingan serta kuasa hukum dalam kehidupan. Demikian juga adat itu adalah fahaman dan penyesuaian kehidupan atau nexus dalam hubungannya dengan lingkungan bumi serta sekitaran ekologinya. Tanpa adat Melayu itu maka terpaksa manusia Melayu mengimport dan mengambil sekian banyak perilaku adat dari budaya lain seperti Arab, Farsi dan India.

Namun adat dan segala anasir budaya itu bukan hanya, semata-mata untuk 'perhiasan' di celah-celah kerangka takwim Islam yang amat umum. Ia lebih dari itu. Segala macam adat-istiadat, acara dan upacara kehidupan adalah pernyataan tampak, visual dan konkrit dalam segala gerak laku seni (seni suara lagu dan nyanyian, gerak anggota dalam pelbagai tarian, seni tulis dalam pelbagai seni sastera, seni bunyi dalam pelbagai irama dan seni bina dalam pelbagai bentuk, seni hias dari pelbagai bahan) tentang nilai-nilai dan gagasan spiritual yang amat abstrak serta mujarrad. Tanpa pernyataan konkrit yang bernama adat itu maka amat sukar sekali segala gagasan dan tanggapan Islam yang mujarrad untuk ditanggapi, difahami dan apa lagi untuk dihayati sebagai amalan teguh dan nyata.

Ambil saja satu gagasan abstrak seperti rukun kedua Islam, sembahyang. Apabila Nabi s.a.w menerima perintah itu dari perjalanan isra'-mikrajnya, pastilah Tuhan mengajarkan kaedah/kaifiat bernama 'sembahyang' atau 'solat' kepadanya. Sebagai manusia Arab baginda melakukannya dengan peralatan dan perlakuan budaya Arab mengikuti rukun, syarat dan segala yang diwajibkan: mesjid, sejadah, jubah, tasbih, tutup kepala, air/tanah dan sebagainya. Kaifiat asasi itu dibungkus dan dihiasi oleh peralatan budaya Arabnya. Dengan datangnya Islam ke Alam Melayu maka kaifiat asasi itu pasti dihiasi oleh peralatan budaya Melayu, meskipun tidak ada halangan untuk orang menyatakan segala kaifiat solat dengan cara Arab seperti mana dilakukan oleh orang Arab yang datang atau berbastautin di sini. Maka budaya itu menjadi alat penyata, memberi bentuk konkrit dan tampak akan prinsip mujarrad seperti 'aurat', 'hiasan', 'tertib', 'suci', 'kiblat', 'wara', 'ibadah' atau sebagainya. Demikian manusia Melayu bersembahyang dengan menggunakan 'tikar sembahyang' dari mengkuang atau pandan, 'baju Melayu', 'kain pelikat', 'bertudung', 'bertelekung', 'di surau' dan sebagainya. Inilah fungsi konkrit kebudayaan dan adat terhadap kewajiban 'syariat'. Syariat itu adalah perintah yang 'diwahyukan Tuhan' (*divine revelation*) kepada manusia nabi, didakwahkan oleh rasul serta para ulama' kepada manusia umum, khususnya bangsa Melayu. Manusia Melayu mengucap dan menyatakan 'perhambaan'-nya yang mujarrad itu dengan caranya sendiri, dengan budayanya. Maka Islam itu membudayakan dan dibudayakan oleh orang Melayu sekaligus dalam lingkungan alamnya.

Segala ini berlaku dalam ruang institusi sosialnya, terutama kekeluargaan dan komuniti lokal di perkampungan atau pedesaan dan pelbagai kelompok komuniti yang menetap. Di sinilah munculnya 'komuniti' atau perkampungan Islami apakala terbangun pula institusi mesjid dan surau / madrasah. Maka jadilah perkampungan Melayu itu sebuah jemaah Islami dengan segala bangunan, letak ke arah kiblat dan cara kehidupan yang mengikuti takwim Islami di sepanjang tahun. Malah matinya juga adalah dikebumikan ke arah kiblat sebagai pernyataan terakhir akan tunduknya kepada kuasa agung ketuhanannya.

Vi. Kekeluargaan, Pendidikan dan Akhlak

Penerimaaan Islam yang meresap secara perlahan dan berterusan dalam jangka yang beratus tahun bukan sekadar membina pribadi atau sahsiah Islami di dalam minda Melayu bahkan juga merobah struktur hubungan antara individu, membentuk institusi masyarakat dan menjajarkan institusi asasi selaras dengan ajaran syariah. Sahsiah atau pribadi Melayu yang terbentuk adalah natijah dari keberfungsian sistem kekeluargaan dan kekerabatan Melayu yang secara beransur dicorakkan oleh pola pemasyarakatan atau sosialisasi Islami. Anak Melayu yang lahir diperkenalkan dengan nama Illahi dalam azan atau iqamat, diikuti dengan acara adat yang sesuai dengan ajaran Nabi – memberi nama yang baik terutama dari nama-nama para sahabat atau kata-kata yang manis, mencukur rambut. Setengah-setengah keluarga mengadakan aqiqah dan, kemudian, khatan untuk bujang remaja.

Sementara itu, menjelang remaja kecil kanak-kanak dididik dengan keimanan dengan dihantar mengaji al-Quran hingga khatam bacaan, belajar sembahyang, mula belajar berpuasa dan ibubapa pula membayar zakat-fitrah. Sepanjang masa mereka didedahkan dengan pelbagai amalan sunnat yang berbentuk seni seperti bacaan al-Qur'an, barzanji, qasidah dan pelbagai acara keraian dan perayaan dari kelahiran, perkahwinan, kematian serta perayaan tahunan seperti hariraya fitrah dan haji, maulud, nuzul Qur'an serta pelbagai peristiwa penting dalam takwim Islam. Demikian itu tempuh pendewasaan seorang anak Melayu diliputi acara Islam yang membentuk pribadinya untuk tunduk bertaqwa, sujud menyerah dalam sembahyang, murah hati dalam sadakah dan fitrah serta redha dengan kada' dan kadar serta sabar menerima segala macam kecelakaan dan musibah. Demikian juga dia dididik dengan budi bahasa dalam sistem akhlak dan moral yang hormat akan ibu-bapa, sesama manusia dan alam sekitar. Dia tahu akan erti pahala dan dosa untuk mengelakkan dari pelbagai perbuatan salah secara terlindung maupun terbuka. Terdulu segala pelanggaran adalah merupakan 'pantang-larang' serta 'sumbang-salah'. Maka dia dewasa dalam lingkungan keluarga dan para saudara-mara yang sentiasa menanam nilai luhur agama dan budayanya. Jadilah ia seorang 'budiman', yang memancarkan budi bahasa, budi pekerti dan budi bicara yang luhur dan baik, yang faham akan erti hubungan halus dan mesra dengan ahli keluarga, orang lain dan komunitinya.

Tahu dia akan adat dalam pelbagai suasana kekeluargaan dan awam. Idealisme agama dan adat inilah yang membentuk manusia Melayu dengan pribadi unggul.

Dia dewasa dengan membawa nilai sempurna yang Islami dan memulakan keluarganya sendiri dalam lingkungan kekerabatan dan komuniti yang saling tahu serta memahami akan pribadi anggota masyarakat sekampung. Perkahwinan membina pula kelompok keluarga baru Islam. Hubungan antara pasangan lelaki dan wanita disahkan oleh ijab dan kabul, di hadapan *wali*, dengan bayaran mahar serta peringatan akan tanggung-jawab suami-isteri melalui khutbah nikah. Kaedah perwalian yang berlandaskan prinsip kekeluargaan 'nasab bapa' adalah penyesuaian dari sistem kekeluargaan Arab yang diterima sebagai 'urf' oleh Islam. Namun prinsip ini tidak merombak sistem kekeluargaan Melayu umumnya yang terus kekal sebagai sistem dwi-sisi (cognatic) dan juga nasab-ibu di Minangkabau dan Negeri Sembilan. Demikianlah berlaku penyesuaian antara sistem kekeluargaan Melayu dengan prinsip serta konsep Islam dalam kaedah perwalian dan faraid. Kekeluargaan Melayu dapat memberi tempat kepada prinsip nasab-bapa dari sistem kekeluargaan Islami untuk memenuhi fungsinya sebagai kerangka kehidupan keluarga dan masyarakat Islam. Dalam pelbagai tahap perkembangan kekeluargaan itu berlaku pula acara dan upacara adat yang selaras dengan kehendak ajaran syariah.

Jika hubungan kekeluargaan antara pasangan suami isteri kurang senang dan menghadapi pergolakan yang genting maka perceraian akan diurus mengikut kaedah pentadbiran hukum syariah. Maka natijah dari perceraian, dan juga kematian, akan melibatkan pembahagian harta-denda yang juga mengikut kaedah faraid Islam. Maka operasi prinsip Islam dalam sistem kekeluargaan Melayu sudah cukup mendalam hingga tidak lagi mungkin untuk memisahkannya dengan cara lain. Islam menjadi penentu institusi kekeluargaan Melayu.

Fungsi keluarga termasuk mendidik pelbagai nilai dan norma yang amat tegas berlandaskan Islam. Tradisi pendidikan sosial ini berlaku dalam proses berguru dan juga tunjuk-ajar ibu-bapa dan para ahli tukang dan pandai dalam masyarakat. Pelbagai kemahiran dan kepandaian didapati untuk dapat meneruskan corak hidup di perkampungan maupun di bandar. Namun sejak pentadbiran Barat menguasai masyarakat Melayu, pendidikan itu berbelah bagi kepada agama dan sekular. Segala macam pendidikan agama dan pembentukan akhlak berlaku dalam sistem pelajaran agama samada secara formal di sekolah agama, madrasah atau maahad maupun tidak formal di rumah, mesjid dan surau. Segala kemahiran bukan agama pula berlaku dalam sistem formal di sekolah rendah, menengah dan maktab serta pelbagai pusat latihan. Maka pendidikan menjadi berbelah dua – Islam dan sekular - dan pendidikan sekular ala Barat mendapat keutamaan serta kepentingan. Pembahagian ini dipadukan kembali sebahagiannya oleh pemerintah setelah merdeka. Namun perkembangan terakhir menunjukkan ibubapa Melayu lebih cenderung untuk mendidikan anak-anak berasaskan agama sahaja ataupun menggabung dengan bahagian lain yang 'moden'. Nyatalah Islam itu menjadi jaminan bagi kewujudan

pribadi, kemahiran hidup dan keilmuan moden untuk menghadapi cabaran dunia kini.

Dengan cabaran budaya luar yang semakin terbuka dan mendesak keras melalui pelbagai saluran media cetak, elektronik dan celluloid (filem) maka semakin terdesak pribadi dan keupayaan Melayu untuk menyesuaikan diri. Maka hanya Islam yang cukup jelas, teguh dan pasti sebagai asas pribadi dan pengetahuan untuk mengekalkan jati diri dan 'jalan lurus' kehidupan. Dengan itu nilai akhlak, moral dan etika yang terbit dari agama menjadi ajaran dan landasan memelihara diri serta masyarakat masa kini. Demikianlah kita dihadapkan dengan gagasan baru membina kebudayaan dan tamadun berlandaskan Islam yang kini disebutkan secara konseptual sebagai 'Islam Hadhari'.

vii. Politik, Kenegaraan dan Ekonomi

Penerimaan Islam di Alam Melayu sejak dulu membentuk negara Melayu berasingan dari negara Melayu Hindu-Buddha sedia ada. Jarang sekali berlaku penaklukan kecuali sebagai proses kemunculan dominasi dalaman oleh dinasti baru yang mengambil alih kuasa dinasti lama seperti berlaku di Demak dalam kekuasaan Majapahit. Namun di Melaka atau Pasai tidak wujud penaklukan negara Hindu-Buddha terdahulu. Justeru demikian Islam sebagai proses pembentukan negara dan pemerintahan berlaku secara semula jadi dan aman. Kedamaian dalam peralihan kuasa ini sering dilambangkan dengan peristiwa 'mimpi' bertemu Nabi s.a.w oleh para raja dan pemerintah Melayu-Hindu dan mendapati mereka bangun mengucap 'syahadah' dan sudah berkhatan (lihat *Sejarah Melayu* dan *Merong Mahawangsa*). Ada ulama yang menasihati kerajaan di samping wujudnya para pembesar, wazir dan menteri yang budiman serta bijaksana. Sistem kerajaan Islam di luar Alam Melayu seperti Farsi dan India serta Turki menjadi model atau tauladan dari pembinaan itu seperti terdapat di Pasai, Aceh, Melaka dan Demak yang sentiasa menerima 'makhdom' dari Hadramaut, Gujerat ataupun 'tanah Arab'. Kewujudan negara Melayu Islami ini sering ditandai oleh nama negara yang sentiasa diberi gelaran 'darul' dan raja yang membawa gelaran sifat Illahi seperti 'al Mustain Billah', 'Al Muktasim Billah', 'Muhibuddin Shah', atau 'Al-Mutawakkil billah'.

Model kenegaraan itu kemudian mendapat pembentukan akhlah melalui rasionalisasi keilmuan 'siyasah syar'iah' yang telah dimulakan oleh para ulama' siyasah syariyah klasik Islam termasuk al-Farabi (k-9/10M) al-Mawardi (k-10M), Ibn Taimiyah (k-13M) dan Ibn Khaldun (k-14M). Di Alam Melayu sendiri feqah siyasah atau siyasah sya'iah telah berlaku sejak di Pasai tetapi karya-karya terkenal bermula di Aceh abad 17, di tangan Nuruddin al-Raniri, Bukhari al-Jauhari (Johor) dan Raja Ali Haji (Riau). Sebahagian besar karya-karya siyasah Melayu ini mengikuti format tulisan 'cermin' pemerintahan oleh ulama' Farsi.^{xxv} Namun ia mempunyai asas yang amat kuat dan teguh untuk menegakkan sistem 'kerajaan' atau kesultanan Melayu Islam berasaskan terutamanya nas al-Qur'an : *athiullah waathiurrasul waulilamri minkum* dan juga nas kedaulatan Allah untuk memberi kuasa kepada sebarang manusia: *'Katakan (Ya Muhammad). Hai Tuhan yang memiliki kekuasaan diberinya kekuasaan itu kepada siapa yang dikehendaki...* dan sifat-sifat pribadi yang terbaik seperti keadilan, musyawarah, murah hati, bertimbang rasa atau berilmu.

Selain karya siyasah syariyah terdapat pula koleksi naskah perundangan dan adat yang bertulis serta menjadi asas kewujudan negara dan corak perhubungan susunan kemasyarakatan Melayu seperti *Hukum Kanun Melaka, Undang-Undang laut Melaka* dan banyak lagi undang-undang Melayu terbitan daripadanya. Naskah perundangan Melayu memperlihatkan paduan antara hukum adat dan hukum Islam yang memandu pelaksanaan hukum dan juga pemerintahan. Seperti juga karya kitab siyasah, perundangan juga menegaskan akan ciri keadilan dalam pemerintahan kesultanan Melayu dan para penguasa tertinggi negara.^{xxvi} Meskipun bentuk kerajaan Melayu tidak memancarkan sepenuhnya rasionalisasi siyasah syariyah Islam namun ia cukup sah dan wajar bagi keutuhan sistem itu hingga ke saat ini. Malah sistem kerajaan Melayu menjadi turus dan teras kepada seluruh kewujudan tamadun Melayu yang berterusan dari zaman kuno hingga kini. Inilah satu-satunya institusi bersejarah yang abadi dan kekal berterusan hingga kini dalam bentuk nyata dan juga dalam kesadaran serta psike Melayu yang menuntut hak kepribumian dan kewibawaan

di Alam Melayu dan memberi jatidiri serta identiti kepada tamadun di rantau Alam Melayu.

Kemunculan empayar Melayu berkait langsung dengan ekonomi perdagangan Timur-Barat di zaman lampau. Meluasnya serapan nilai Islam di dalam sistem ekonomi Melayu khususnya perdagangan dapat diperhatikan walaupun di kalangan peniaga kecil yang menegaskan ijab dan kabul dalam jual-beli barangan. Namun perkembangan terkini dengan pengislaman ekonomi dunia memunculkan suatu gerakan yang amat meluas dan mendalam sehingga mentakrif semula pengertian teori ekonomi formal sebagai sebuah teori kehidupan moral insaniah. Teori ekonomi Islam sudah menjadi satu sistem alternatif untuk transaksi ekonomi dengan bermulanya pelbagai institusi ekonomi seperti perbankan, takaful dan ar-rahn (pajak gadai), himpunan dana, hingga kepada pelbagai instrumen kewangan dan pengemblingan industri makanan halal.

Kewujudan sistem ekonomi Islam sebagai alternatif kepada ekonomi konvensional kapitalis-sosialis Barat sekaligus meletakkan Melayu sebagai pemikir ekonomi baru pada tahap global kerana ternyata gerakan praktik membina tamadun baru berasaskan Islam di dunia moden adalah amat pesat dan nyata berlaku di Alam Melayu kini. Kebudayaan dan tamadun baru Melayu adalah dilandaskan kepada gagasan dan keyakinan Islami ini. Maka perkembangan terbaru ini telah turut menjebak Islam ke dalam kerangka pemikiran buruk Barat yang sentiasa mencari lawan melalui pemikiran 'pertembungan tamadun' (*clash of civilisation*). Ditambah dengan gerakan kekerasan dan peperangan oleh kelompok-kelompok Islam dalam berhadapan dengan cabaran Barat kini maka Islam muncul sebagai ancaman 'pemusnah' dan sekaligus 'terrorist' kepada tamadun Barat seperti mana berlaku kepada 'communism' pada dekad 30han hingga 80han dahulu. Segolongan penguasa politik *neo-conservative* (neocon) Amerika berusaha keras membina polisi dan strategi peperangan untuk mendominasi dunia dan golongan Islam jihadi yang menjadi penghalang besar. Inilah cabaran global terkini manusia Melayu – 'labelling' global terhadap Islam yang amat memusnahkan.

4. Modenisasi, Globalisasi dan Hadhari

“Sebahagian besar ahli Kitab menginginkan agar mereka dapat mengembalikan kamu kepada kekafiran setelah kamu beriman, kerana dengki yang (timbul) dari diri mereka sendiri, setelah nyata bagi mereka kebenaran...” *al-Baqarah, 2: 109*

Pembudayaan Islam terhadap kebudayaan Melayu telah sampai ke tahap menjadi identiti sepenuhnya serta penentu (determinant) kepada segala anasir dalaman dan sumber luaran kebudayaan itu. Baik politik yang perlu berlandaskan syiasah syariah, ekonomi yang berteraskan norma moralistik Islam maupun kehidupan harian yang diukur atas lima skala halal-haram hinggalah kepada segala institusi serta perilaku harian yang mesti mengikuti ajaran Islam. Demikian itu, perkembangan mutakhir kebudayaan Melayu adalah merupakan pergolakan Islam (Syariah) dengan persoalan modenisasi serta globalisasi dunia.

Modenisasi telah bermula satu abad lalu, sebagai kesan dari gelombang imperialisme Eropah yang didorong oleh keangkuhan untuk membawa tamadun (*civilising mission*) kepada seluruh dunia dan dinamakan sebagai '*the white man's burden*'. Namun kini, imperialisme British adalah dinilai sebagai:

"the the British empire was essentially a Hitlerian project on a grand scale, involving a military conquest and dictatorship, extermination and genocide, martial law and "special courts", slavery and forced labour, concentration camps and the transoceanic migration of people".^{xxvii}

Di atas motif imperialisme dan penjajahan itu maka pentadbiran Eropah seperti British di Tanah Melayu dan Belanda di Hindia Timur, memburuk-burukkan kebudayaan Melayu dari tunjang Islamnya dengan ejekan dan pandangan keji yang sentiasa merendharkannya. Secara sedar penjajahan memecah dan membelah masyarakat Melayu di Alam Melayu, pada satu pihak, kepada godaan sekularisme yang mengeneipkan ketuhanan dan berlandaskan kepentingan tamak-haloba yang dikatakan humanisme semata-mata dan, pada pihak lain, memperkenalkan pendidikan ala Barat yang tidak berlandaskan ajaran agama serta penggunaan bahasa Inggeris dan Belanda yang meluas. Malah hingga kini pun, 70 tahun selepas undang-undang dalam *Enactment* pendidikan zaman Inggeris diperkenalkan di Tanah Melayu, pendidikan Melayu masih menjadi dua bahagian serta berdikotomi kepada sekular dan agama. Seksyen 2, Akta Pendidikan 1996 menakrif institusi-institusi pendidikan,

"sebagai sebuah sekolah atau mana-mana tempat lain dalam menjalankan kerja sesebuah organisasi atau institusi, orang lazimnya diajar, sama ada di dalam sebuah kelas atau lebih, dan termasuk tadika dan pusat pendidikan jarak jauh tetapi *tidak termasuk*:

- (a) *mana-mana tempat di mana pengajarannya terbatas kepada pengajaran mana-mana agama semata-mata; atau*
- (b) *mana-mana tempat yang diisytiharkan oleh Menteri Pendidikan melalui pemberitahuan dalam Warta Kerajaan sebagai bukan merupakan institusi pendidikan bagi maksud Akta ini.*^{xxviii}

(italics penegasan penulis)

Secara sedar institusi agama tidak ditakrif sebagai 'sekolah' walaupun melakukan proses pendidikan sepenuhnya. Justeru demikian, institusi pendidikan agama dasingkan dan dikuasai secara berbelah-bagi oleh kuasa-kuasa Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu khususnya oleh para sultan di masing-masing negeri Melayu.

Pemisahan ini sekaligus amat bertentangan dengan takrif perundangan tentang Melayu di dalam *Perlembagaan Malaysia* yang meletakkan adat, Islam dan bahasa sebagai ciri-ciri utama seorang Melayu. Pendidikan sekular melalui ajaran ilmu pengetahuan Barat yang terputus dari akar-umbi agama di Eropah dan Amerika telah melahirkan percanggahan alam fikiran dan persaan serba-salah dalam hati manusia Melayu yang semakin kuat menerima ilmu pengetahuan tanpa ikatan dengan agamanya. Maka jadilah agama itu terasing dari ilmu pengetahuan dan tidak lagi sebagai landasan epistemologi dan kerangka kewujudan ilmu seperti yang difahami dari sumber agamanya iaitu al-Quran dan hadith. Sekaligus ilmu pengetahuan diajarkan berasal dari semata-mata akal manusia dari pemerhatian alam nyata yang tidak diciptakan Tuhan. Alam bergerak dengan sendiri sebagai sebuah jentera mekanikal dalam alam semesta tanpa perlu daya pencipta yang dinamakan Tuhan. Ilmu sekular inilah yang kini menjadi bahagian dari alam fikiran manusia moden yang sentiasa bertelagah dengan pandangan agamanya yang berakar-umbi dari wahyu dan ketuhanan.

Pemodenan yang datang dari Eropah itu adalah penentangan besaran-besaran dan mendalam manusia berilmu di Eropah yang angkuh akan keilmuan mereka terhadap ajaran agama. Mereka berusaha membina sistem ilmu yang menjelaskan segala kejadian alam – fizikal, sosial dan spritual – secara akal manusia semata-mata yang dianggap *scientific* (ilmiah). Maka agama dan segala wahyunya tidak dianggap ilmiah, tidak lagi perlu, maka muncullah gagasan 'humanisme' dan 'sekularisme' yang mengasingkan ilmu dari sumber agama. Inilah masalah terbesar masyarakat Melayu apakala kebudayaannya diputuskan dari akar-umbi agamanya dan ia terumbang-ambing bagai kiambang dan anggota-anggotanya terutama anak-anak muda hilang pedoman serta panduan 'jalan yang lurus' (*siratal mustaqim*) untuk berhadapan dengan segala macam cabaran pilihan di zaman yang segalanya nisbi (relatif).

Selepas hampir 200 tahun pemodenan Barat diganti pula oleh revolusi teknologi komunikasi dan dunia berbentuk globalisasi di mana segala tindakan politik, ekonomi, agama dan sosial adalah berlandaskan skala seluruh dunia atau global. Badan dunia seperti PBB memainkan peranan sebagai pemerintah dunia dan kuasa besar Amerika menjadi polis dunia dengan memaksakan prinsip politik, ekonomi, agama dan liberalisme mereka sebagai prinsip dunia. Semua negara mesti demokratis, mengamalkan ekonomi pasar terbuka serta perdagangan bebas, kebebasan dan hak asasi kepada setiap individu dan kehidupan sekular humanisme. Maka di atas desakan seperti ini maka setiap negara dan kelompok yang tidak patuh adalah engkar dan 'mundur' dan yang cuba menentangnya adalah 'pengganas' (terroris). Islam adalah satu-satunya 'ideologi' atau sistem idea yang berani berdiri gagah berhadapan dan

menentang 'hegemoni' dan 'dominasi' kuasa sekular dari Amerika ini meskipun agama Kristian turut bersuara tidak bersetuju tetapi tidak berani untuk menentang.^{xxix}

Kini seluruh umat Melayu di Alam Melayu telah menanggapi pula suatu sistem konsep tamadun berlandaskan Islam (Islam Hadhari) untuk berhadapan dengan gagasan globalisasi Barat dan membina tamadun baru dunia, sekurang-kurangnya di dunia Islam. Maka berupayakah pemikiran kebudayaan Melayu yang telah terbangun di atas konsep Islam – aman dan damai - ini untuk memberi kepimpinan dan panduan untuk *renaissance* dunia global dengan humanisme ketuhanan dan bukan humanisme sekular. Dengan meliputi gagasan ketamadunan (hadhari) itu kepada segala aspek kehidupan manusia dari ideologi asas keimanan, kemerdekaan fikiran, keilmuan, ekonomi, pemerintahan adil, pembelaan wanita dan kelompok minoriti, keutuhan budaya dan moral, hingga kepada pertahanan dan alam sekitar maka kerangka komprehensif ini harus berupaya mencetus dan meledakkan pembudayaan baru bagi umat Melayu dan umat Islam seluruhnya. Suatu kekuatan akhlah, jasmaniah serta rohaniah yang amat luar biasa gagah dan perkasanya dari manusia Melayu dan Islam global akan diperlukan untuk mencapai 'civilising mission' Islam ini. Ajaran asasi Islam yang damai, adil serta pertengahan (*wasatan*) harus dapat menegakkan peradaban baru itu seperti telah berlaku selama lebih 1400 tahun yang lampau.

5. Islam, Kedamaian dan Jihad

i. Islam itu agama benar dan kedamaian:

'Islam' adalah 'salam' dan 'selamat'. Semua konsep dan gagasan ini bermakna kedamaian dan penyerahan kepada kuasa Illahi, kuasa ketuhanan untuk keselamatan semua manusia. Dari sejak awal munculnya pada abad ke-6 Masihi Islam itu menyeru kepada penyerahan kepada Tuhan Allah, demi kedamaian seluruh alam semesta. Firman Allah amat jelas dan tegas tentang kebenarannya sebagai agama yang diridhai dan disempurnakan Allah untuk manusia:

“ ‘Salam’, ucapan selamat dari Tuhan Yang Maha Penyayang.” (Yaa Siin 36: 58)

“Dan kepada Allah sajalah bersujud segala yang berada di langit dan semua makhluk yang melata di bumi dan (juga) para malaikat, sedang mereka (malaikat) tidak menyombongkan diri “ (*an-Nahl 16: 49*)

“...Pada hari ini telah Ku sempurnakan untuk kamu agamamu, dan telah kukukupkan kepadamu nikmatKu, dan telah Ku ridhai Islam itu jadi agama bagimu...” (*al-Maaidah 5: 3*)

Dengan berpandukan al-Quran dan hadith seperti firmannya:

“Al-Quran ini adalah pedoman bagi manusia, petunjuk dan rahmat bagi kaum yang meyakini.” (*al-Jaatsiyah 45: 20*)

Umat Islam amat yakin tentang asas dan sebab terciptanya masyarakat Islam sebagai yang menyeru kepada kebaikan dan melarang kepada kejahatan:

“Kamu adalah umat yang terbaik (*khairu ummatin*) yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang makruf, dan mencegah dari yang munkar, dan beriman kepada Allah..” (*Ali Imran 3: 110*)

ii. sifat baik pribadi Muslim:

Sebahagian dari kaedah kebaikan itu ialah menjaga hubungan antara orang perseorangan supaya sentiasa berkasih sayang, mesra dan tidak berperasangka dan juga mengolok-olok:

“Di antara tanda-tanda kekuasaanNya ialah Dia mencipta untukmu isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikanNya diantaramu rasa kasih sayang (*muwaddantan warahmatan*) sesungguhnya pada yang demikian itu bener-bener terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir.” (*ar-Ruum 30: 21*)

“Hai orang-orang yang beriman, janganlah satu kaum mengolok-olok kaum yang lain (kerana) boleh jadi mereka (yang diolok-olokkan) lebih baik dari mereka (yang mengolok-olokkan)...” (*al-Hujuraat 49: 10*)

“Hai orang-orang yang beriman, jauhilah kebanyakan dari prasangka, sesungguhnya sebahagian dari prasangka itu adalah dosa dan janganlah kamu mencari-cari kesalahan orang lain dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain. Sukakah salah seorang di antara kamu memakan daging saudaranya yang sudah mati? Maka tentulah kamu merasa jijik mkepadanya. Dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang.” (*al-Hujuraat 49 : 11*)

iii. Muslim itu menjaga sesama Muslim dan jirannya:

Muslim yang baik itu menjaga sesama Muslim, menurut Hadith Nabi riwayat dalam *Sahih Muslim (Jilid I, nombor 32)* ialah:

“Dari Abdullah bin Amr r.a. katanya seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah s.a. w., “Islam yang bagaimanakah yang baik?” Jawab Rasulullah s.a.w, “memberi makanan dan mencukupkan salam kepada orang yang anda temui, baik yang anda kenal atau yang tidak anda kenal.”

Dalam Hadith lain (nombor 33) , orang Islam yang baik, “ ialah yang menjaga orang-orang Islam lainnya dari bencana lidah dan perbuatannya.”

Hadith nombor 36: “Belum sempurna iman seseorang sebelum dia mencintai bagi saudaranya atau bagi tetangganya, apa yang dicintainya untuk dirinya sendiri.”

Hadith nombor 37: “Tidak akan dapat masuk syurga orang yang tidak membuat tetangganya terasa aman dari fi'ilnya (perangai) yang tidak senonoh.”

Hadith nombor 38: “Siapa yang iman dengan Allah dan hari kiamat, maka janganlah dia menyakiti tetangganya. Dan siapa yang iman dengan Allah dan hari kiamat, hendaklah dia memuliakan tetamunya. Dan siapa yang iman dengan Allah dan hari kiamat, maka hendaklah dia berkata yang baik atau diam.”

iv. menjadi kesalahan berkelakuan fasik, munafik, mengkafir dan membunuh sesama Muslim:

Berbuat jahat setelah beriman adalah suatu keadaan munafik terutama yang bermusuhan. Hadith nombor 47 menjelaskan hal itu:

“Ada empat sifat bila terdapat pada diri seseorang, maka dialah munafik, sehingga ditinggalkannya sifat-sifat itu: i) Apabila berbicara, dia dusta, ii)

Apabila bersumpah setia, dia khianat, iii) Apabila berjanji, dia mungkir, iv) Apabila bermusuhan, dia kejam.”

Orang munafik tidak mendapat perlindungan Allah:

“Kabarkanlah kepada orang-orang munafik bahawa mereka akan mendapat siksaan yang pedih.” (*an-Nisaa’ 4: 138*)

Kesalahan terhadap seorang Muslim juga berlaku apakala memanggil sesama orang Islam itu ‘kafir’, seperti dalam hadith nombor 49, Sahih Muslim, Jilid 1:

“Siapa yang berkata kepada saudaranya “Hai kafir!”, maka ucapan itu kembali kepada salah satu di antara keduanya. Jika apa yang diucapkannya itu benar, maka ucapan itu tertuju kepada yang dipanggil. Jika tidak, maka ucapan itu tertuju kepada yang mengucapkannya.”

Hadith nombor 50 menjelaskan hal yang sama: “... Dan siapa yang memanggil seorang dengan panggilan ‘kafir’ atau ‘musuh Allah’ padahal orang yang dipanggilnya itu bukan demikian, maka ucapannya itu kembali kepada dirinya sendiri.”

Allah melarang kezaliman:

“..Orang-orang yang berbuat zalim tidak ada seorang penolong baginya.” (*al-Baqarah 2: 270*)

Sahih Bukhari menjelaskan dalam Jilid 1, Hadith 40:

“Dari Abdullah r.a., katanya, Nabi s.a.w. bersabda: “Memaki orang Muslim adalah fasik (durhaka) dan membunuhnya kafir.”

v. mendustakan kebenaran adalah kesalahan

Dan Tuhan memberi amaran akan neraka jahannam kepada semua termasuk Muslim yang telah menerima kebenaran untuk mendustakan dan memandang serong terhadap kebenaran itu:

“Maka Siapakah yang lebih zalim daripada orang yang membuat dusta terhadap Allah dan mendustakan kebenaran ketika datang kepadanya? Bukankah di nereka jahannam tersedia tempat tinggal bagi orang-orang yang kafir?” (*az-Zumar 39: 32*)

vi. manusia itu dijadikan berpasangan, berbangsa-bangsa

Dalam nada yang sama Allah menjelaskan penciptaan pelbagai kaum (bangsa) manusia, lelaki dan perempuan dan pelbagai bahasa dan pelbagai warna kulit dicipta”

“Dan di antara tanda-tanda kekuasaanNya ialah menciptakan langit dan bumi dan berlainan *bahasamu dan warna kulitmu*. Sesungguhnya pada hal demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi orang yang mengetahui.” (*ar-Ruum 40: 22*)

“Hai manusia, sesungguhnya Kami mencipta kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan *menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal (lita'arafu)*. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.” (*al-Hujuraat 49: 13*)

Jika Allah menghendaki, semua manusia hanyalah satu umat sahaja, tetapi Dia menguji manusia dengan kebaikan atau kesesatan:

“Manusia itu adalah umat yang satu. (Kerana perselisihan) maka Allah mengutus para nabi sebagai pemberi kabar gembira dan memberi peringatan, dan Allah menurunkan bersama mereka Kitab yang benar untuk memberi keputusan di antara manusia tentang perkara yang mereka perselisihkan..” (*al-Baqarah 2: 213*)

“Dan kalau Allah menghendaki, niscaya Dia menjadikan kamu satu umat (sahaja) (*ummatan wahidatan*), tetapi Allah menyesatkan siapa yang dikehendaki-Nya dan memberi petunjuk kepada siapa yang dikehendakiNya. Dan sesungguhnya kamu akan ditanya tentang apa yang kamu kerjakan.” (*an-Nahl 16: 93*)

Meskipun di kalangan orang beriman, namun kelakuan yang jahat mendapat celaan dari Allah:

“Apakah orang-orang yang membuat kejahatan itu menyangka bahawa kami akan menjadikan mereka seperti orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal yang saleh, yaitu sama antara kehidupan dan kematian mereka? Amat buruklah apa yang mereka sangka itu.” (*al-Jaatsiyah 45: 21*)

vii. tugas Muslim adalah berlaku adil kepada ibu-bapa dan semua bangsa

Allah melarang membenci sesama manusia demi keadilan walaupun mereka telah melarang umat Islam memasuki Masjidilharam:

“Hai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu jadi orang-orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum (bangsa) mendorong kamu untuk berlaku tidak adil, kerana adil itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui yang kamu kerjakan.” (*al-Maaidah 5: 8*)

“...Dan janganlah sekali-kali kebencian (mu) kepada sesuatu kaum kerana mereka menghalang-halangi kamu dari Masjidilharam, mendorongmu berbuat aniaya (kepada mereka). Dan tolong-menolonglah dalam (mengerjakan) kebajikan dan taqwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat siksaan.” (*al-Maaidah 5: 2*)

Allah *tidak melarang berbuat baik kepada musuh* seperti dalam surah *al-Mumtahanah 60: 7-9*:

“Mudah-mudahan Allah menimbulkan kasih sayang di antaramu dengan orang-orang yang kamu musuhi di antara mereka. Dan Allah adalah Maha Kuasa. Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

“Allah tiada melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tiada memerangimu kerana agama dan tidak (pula) mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil.

“Sesungguhnya Allah hanya melarang kamu menjadikan sebagai kawan orang-orang yang memerangi kamu kerana agama dan mengusir kamu dari negerimu dan membantu (orang lain) mengusirmu. Dan barang siapa

menjadikan mereka sebagai kawan, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.”

viii. kewajipan jihad kerana mempertahankan diri

Ayat 60: 9 di atas itu meletakkan syarat bagi umat Islam mempertahankan diri untuk melakukan peperangan, yakni ‘mengusir orang islam dari negerinya’ dan ‘memerangi Muslim kerana agama’. Islam menjelaskan lagi kewajipan jihad sebagai pertahanan diri:

“Dan bunuhlah mereka di mana saja kamu jumpai mereka, dan usirlah mereka dari tempat mereka telah mengusir kamu, dan fitnah itu lebih besar bahayanya dari pembunuhan, dan janganlah kamu memerangi mereka di Masjidilharam, kecuali jika mereka memerangi kamu di tempat itu. Jika mereka memerangi (kamu di tempat itu), maka bunuhlah mereka. Demikian balasan bagi orang kafir.” (*al-Baqarah 2: 191*)

“Kemudian jika mereka berhenti (dari memusuhi kamu), maka sesungguhnya Allah Maha Pengempun lagi Maha penyayang.” (*al-Baqarah 2: 192*)

Demikian itu telah ditetapkan oleh Allah bahawa hanya alasan ‘membela diri’ dan kerana penganiayaan sebagai Muslim yang telah diusir dari kampungnya sebagai alasan kewajipan peperangan. Pada tahap itu jihad sudah menjadi fardhu ain dan fardhu kifayah:

“Diwajibkan atas kamu berperang (kutiba alaikumul qital), padahal peperangan itu adalah suatu yang kamu benci. Boleh jadi kamu membenci sesuatu, padahal ia amat baik bagi mu, dan boleh jadi (pula) kamu menyukai sesuatu, padahal ia amat buruk bagimu; Allah mengetahui, sedang kamu tidak mengetahui.” (al-Baqarah 2: 216)

“Mereka bertanya kepadamu tentang berperang pada bulan Haram. Katakanlah: “Berperang pada bulan itu adalah dosa besar; tetapi menghalangi (manusia) dari jalan Allah, kafir kepada Allah, (menghalangi masuk) Masjidilharam dan mengusir penduduknya dari sekitarnya, lebih besar (dosanya) di sisi Allah. Dan berbuat fitnah lebih besar (dosanya) dari membunuh. Mereka tidak henti-hentinya memerangi kamu sampai mereka (dapat) mengembalikan kamu dari agamamu (kepada kekafiran) seandainya mereka sanggup. Barang siapa yang murtad diantara kamu dari agamanya, maka mereka itulah yang sia-sia amalannya di dunia dan akhirat, dan mereka itulah penguni neraka, mereka kekal di dalamnya.” (al-Baqarah 2: 217)

“Telah diizinkan (berperang) bagi orang-orang yang diperangi, kerana sesungguhnya mereka telah dianiaya. Dan sesungguhnya Allah benar-benar Maha Berkuasa menolong mereka.

“(yaitu) orang-orang yang telah diusir dari kampung halaman mereka tanpa alasan yang benar, kecuali kerana mereka berkata: Tuhan kami hanyalah Allah (rabbanallah). Dan sekiranya Allah tidak menolak (keganasan) sebahagian manusia dengan bahagian yang lain, tentulah telah dirobuhkan biara-biara Nasrani, gereja-gereja, rumah-rumah ibadat orang Yahudi dan mesjid-mesjid, yang di dalamnya banyak tersebut nama Allah. Sesungguhnya Allah pasti menolong orang yang menolong (agama)-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Kuat lagi Maha Perkasa.” (Al-Hajj 22: 39-40)

ix. jihad dilarang melampaui batas

Walaupun Allah membenarkan peperangan namun ia dilakukan dalam batas kemanusiaan yang tidak zalim dan kejam:

“Dan perangilah di jalan Allah orang-orang yang memerangi kamu, (tetapi) janganlah kamu melampaui batas (wala ta’tadu), kerana sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas (mu’tadin).” (al-Baqarah 2: 190)

Sifat melampaui batas atau *extremism* adalah dilarang sama sekali dalam segala jenis perilaku Muslim, perhubungan dengan orang lain dan malah dalam peperangan.

x. Islam itu ‘Darussalam’: negeri aman dan damai

Sesungguhnya Islam dan Muslim itu adalah umat Darussalam – yang damai – kerana Allah telah mengharamkan:

“Katakanlah: “Tuhanku hanyalah mengharamkan perbuatan yang keji, baik yang nampak ataupun tersembunyi, dan perbuatan dosa, melanggar hak manusia tanpa alasan yang benar, (mengharamkan) mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang Allah tidak menurunkan hujjah untuk itu dan (mengharamkan) mengada-adakan Allah apa yang tidak kamu ketahui.” (al-Araaf 7: 33)

Allah telah menjanjikan negeri damai dan selamat di ‘Darussalam’ (surga) bagi mereka:

“Allah menyeru (manusia) ke ‘Darussalam’ (surga), dan menunjukki orang yang dikehendakiNya kepada jalan yang lurus (Islam).” (*Yunus 10: 23*)

Wallahu alam.

Nota Hujung

ⁱ P. Bellwood, “Southeast Asia before History,” mengulas kehadiran golongan Austronesia di kepulauan Asia Tenggara ini di zaman prasejarah menyatakan: “The completeness of Austronesian domination of island Southeast Asia is as striking as its inability to make any sizeable impact on the linguistic situation in the island of New Guinea. It is this domination in island Southeast Asia which makes so clear the conclusion that the archipelago cannot have supported any major agricultural population, if indeeds any at all, before the period of Austronesian colonisaation.” N. Tarling, ed., *The Cambridge History of Southeast Asia*, Volume One, Part One, 1992, 1999, halaman 115.

ⁱⁱ D. G. E. Hall, *A History of South-East Asia*, 1955, 1994, halaman 9

ⁱⁱⁱ D.G.E Hall, seperti di atas (sda)., halaman 9-10

^{iv} P. Lunde, “The Indian Ocean and Global Trade,” *Saudi Aramco World*, July / August 2005

^v K. W. Taylor, “The Early Kingdoms,” dalam N. Tarling , ed., sda., halaman 154

^{vi} K.W. Taylor dalam N. Tarling, sda., halaman 156

^{vii} Hall, sda, halaman 25

^{viii} K. W. Taylor dalam N. Tarling, sda., halaman 156.

^{ix} P. Lunde, sda., halaman 12 - 19

^x P. Lunde, sda., halaman 45-48; F. Viviano, China’s Great Armada, *National Geographic*, July 2005, halaman 28 seterusnya.

^{xi} Untuk penelitian meluas tentang peranan Demak sebagai kerajaan Islam di Jawa, lihat H.J de Graaf dan Th. Pigeaud, *Kerajaan Islam Pertama di Jawa*, PT Pustaka Utama Grafiti, 1985, 2003

^{xii} Pengkategorian ini muncul kemudian dalam hukum adat Melayu sebagai ‘adat sebenar adat, adat yang teradat dan adat yang diadatkan’. Untuk perbincangan menarik dalam konteks masyarakat Minangkabau, juga terdapat dalam suku-bangsa Melayu lain di pesisir timur Sumatera, lihat Hayati Nizar, ed., *Reaktualisasi Adat Bersandi Syarak, Syarak Bersandi Kitabullah*, Pusat Pengkajian Islam dan Minangkabau (PPIM) Sumatera Barat, 2003. Untuk tambo atau perbilangan Minangkabau tentang kategori ini, lihat A.B. Dt Madjo Indo, *Kato Pusako*, PT Liruga, Lembaga Gebu Minang Bogor, Edisi Kedua, 2003, Bab 4

-
- xiii Lihat Mohammad Hashim Kamali, *Principles of Islamic Jurisprudence*, Ilmiah Publishers, Petaling Jaya, Malaysia, 1991, 2000, halaman 283
- xiv Dalam Hayati Nizar, sda., halaman 1
- xv Mohammad Hashim Kamali, sda., Chapter 14
- xvi Untuk gambaran pengertian *adat*, *addat*, *hadat* bagi kelompok-kelompok rumpun Melayu ini, khususnya Bajau, lihat C. Sather, *The Bajau Laut*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1997, halaman 204-205. Untuk gagasan umum adat di Indonesia lihat Ter Haar, *Adat Law in Indonesia*, Institute of Pacific Relation, New York, 1948
- xvii M. B. Hooker mengutip R. O. Wintedt dan Josselin de Jong mengenai penggolongan adat yang terdapat di Sungai Ujung sebagai berikut: "ancient custom; created custom; inherited lore; decision of common accord; ancient law that awaits ratification; decision to be reached by later deliberation." *Readings in Malay Adat Laws*, Singapore University Press, 1970 halaman 3
- xviii Untuk penelitian lanjut tentang aspek-aspek peradaban, politik, perundangan, ekonomi kekerabatan, kesenian, persuratan dan pendidikan Melayu-Islam, lihat Mohd. Taib Osman dan A. Aziz Deraman, (ed.) *Tamadun Islam di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2000
- xix Untuk kajian perkembangan Islam melalui Melaka, lihat Hall, sda., Chapter 10
- xx Tun Seri Lanang, *Sulalat al-Salatin*, Muhammad Haji Salleh, (pengkaji), Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1997, halaman 192-193
- xxi Untuk tafsiran prasasti lihat J.G. de Casparis, *Prasasti Indonesia I dan II*, Djawatan Purbakala Republik Indonesia, Bandung 1956
- xxii Untuk bacaan rampai naskah sastra Melayu Islam, lihat Ismail Hamid, *Kesusasteraan Melayu Lama dari Warisan Peradaban Islam*, Penerbit Fajar Bakti, Petaling Jaya, 1983; Ali Ahymad dan Siti Hajar Che' Man, *Bunga Rampai Sastra Melayu Warisan Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996
- xxiii Lihat Syed Muhammad Naguib al-Attas, *The Origin of Malay Sha'ir*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1968 dan *Concluding Postscript to the Origin of the Malay Sha'ir*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1971
- xxiv Untuk pemerian umum kesan konsepsi Hindu-Buddha terhadap alam dan kenegaraan di Asia Tenggara dan Alam Melayu, lihat Hall, sda., Chapter 12, "Monarchy and the State in South-East Asia",
- xxv Untuk kajian menarik tentang ketatanegaraan kesultanan Melayu lihat Jelani Haron, *Pemikiran Adab Ketatanegaraan Kesultanan Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2003
- xxvi Untuk penelitian umum tentang naskah perundangan Melayu, lihat Abu Hassan Sham dan Mariyam Salim, *Sastra Undang-Undang*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1995
- xxvii Richard Gott (2001) dikutip oleh Robie Robertson, *The Three Waves of Globalisation*, Zed Books, London, 2003 halaman 143.
- xxviii Tie Fatt Hee, *Undang-Undang Pendidikan di Malaysia*, Penerbit Fajar Bakti, Shah Alam 2002, halaman 40

^{xxix} Terlalu banyak tulisan dan ulasan tentang sikap pro dan kontra globalisasi di seluruh dunia. Untuk perspektif Islam di Malaysia secara umum sila lihat Siti Fatimah Abdul Rahman, ed., *The Impact of Globalisation on Social and Cultural Life: An Islamic Response*, Institute of Islamic Understanding Malaysia, 2002